

"BAGI meningkatkan keupayaan penganalisaan makmal, beta telah memperkenankan pembinaan Makmal Virologi tambahan, yang akan ditempatkan di Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan". Titah Perutusan Khas Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 26 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 21 Mac 2020 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.48

SUBUH
4.58

SYURUK
6.16

DUHA
6.39

ZUHUR
12.23

ASAR
3.28

MAGHRIB
6.28

ISYAK
7.38

TAHUN 65 / BILANGAN 43

8 APRIL 2020 / 1441 شعبان 14

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Kejururawatan, kebidanan tulang belakang sediakan perkhidmatan kesihatan

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Sejarah kerjaya kejururawatan sering kali dikaitkan dengan kehebatan seorang Jururawat Inggeris, Florence Nightingale, yang digelar 'The Lady with the Lamp', iaitu tokoh wanita terkenal di dunia yang pada suatu ketika dahulu berkorban tenaga untuk merawat perajurit British dalam peperangan dan adalah juga pengasas Pendidikan Kejururawatan secara profesional pada tahun 1860.

Dalam memperingati ulang tahun kelahirannya yang ke-200 tahun,

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) kekal sebanyak 135 kes setelah Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa tidak ada kes baharu yang disahkan pada hari ini.

Sementara itu, sebanyak tiga lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah yang membawa jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 85 orang.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi.

"Jumlah yang telah sembuh ini meliputi 74 orang dewasa dan 11 orang kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah, termasuk kes termuda yang dilaporkan di negara ini yang berumur enam bulan. Dengan ini, semua kes kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun adalah disahkan sembuh dan telah pulang ke rumah masing-masing," ujar Yang Berhormat.

Ke muka 3

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berucap demikian dalam Perutusan Yang Berhormat Menteri bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia

2020 pada tahun ini.

Yang Berhormat Menteri juga menjelaskan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia juga menjadikan dan mengisytiharkan tahun 2020 sebagai 'Tahun Antarabangsa bagi Jururawat dan Bidan (International Year of the Nurse and the Midwives)' untuk menonjolkan dan memaparkan perkembangan terkini para jururawat di seluruh dunia, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan memberikan beberapa siri cadangan kepada setiap negara mengenai cara-cara untuk meningkatkan kapasiti dan tenaga kerja profesional kejururawatan dan kebidanan.

Ke muka 7

Bacaan Surah Yaa Siin, Doa Khas sempena Nisfu Syaaban

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan bahawa Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena Nisfu Syaaban Tahun 1441H / 2020M akan diadakan secara langsung dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) pada petang Rabu malam Khamis, 15 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan dengan 8 April 2020 Masihi, mulai jam 6.45 petang.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan dan digalakkan untuk bersama-sama menghidupkan malam Nisfu Syaaban tersebut dengan mengikuti sama Bacaan Surah Yaa Siin dan

Doa di kediaman masing-masing dengan memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar dipanjangkan umur dengan beramal ibadat kepada-Nya dan memohon agar diajuhkan daripada bala bencana juga memohon agar dimurahkan rezeki yang halal lagi bermanfaat.

Semoga dengan adanya usaha seumpama ini dan kerjasama daripada semua pihak, penularan jangkitan wabak COVID-19 ini akan dapat kita tangani dengan segera dan berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kesembuhan kepada pesakit dan melindungi kita semua, sekali gus terhapus wabak dahsyat tersebut dari bumi ini.

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 7 APRIL 2020, 5:00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN

135

JUMLAH KEMATIAN

1

JUMLAH KES YANG SEMBUH

85

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19
Waktu Operasi 24 jam setiap hari **148**

"WAHAI orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu". Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nisa : 59.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama


BERAS pulut diskau 50 peratus buat PMKS, pengusaha persendirian **Muka 4**


PENUTUPAN sementara masjid, surau, balai ibadat : Dilanjutkan hingga 13 April **Muka 6**


MAJIKAN perlu peka tahap kesihatan para pekerja **Muka 7**


Pencana
MALAM Nisfu Syaaban penuh berkat **Muka 22**

Jabatan Penjara sedia sahut cabaran transformasi organisasi

Bismillahir Rahamanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, kita dapat sama-sama berhimpun pada pagi ini dalam Upacara Perbarisan Kehormatan Sempena Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penjara Yang Ke-66 Tahun.

Saya suka merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Pemangku Pengarah Penjara dan semua warga Jabatan Penjara Sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penjara Yang Ke-66 Tahun.

Jabatan Penjara merupakan sebuah agensi kerajaan yang penting di dalam menjaga keselamatan negara, dengan menahan dan mengawal penghuninya dengan selamat dan sejahtera serta berperikemanusian. Di samping itu, rancangan pemulihan yang efektif adalah mustahak di dalam pembentukan jati diri penghuni-penghuninya dengan memberikan bekalan yang berguna sebelum penghuni dibebaskan.

Di dalam usia Jabatan Penjara Ke-66 tahun ini, adalah penting untuk Jabatan Penjara sentiasa maju ke hadapan setanding dengan organisasi penjara di negara-negara maju di dalam pentadbiran dan pengurusan penjara terutama sekali di dalam mengendalikan corak jenayah yang berbeza, mencabar dan kompleks. Ini adalah satu cabaran yang harus dihadapi terutama sekali di dalam menjaga keselamatan, keharmonian, kebersihan dan kesejahteraan di kalangan penghuni. Berdasarkan kepada kesalahan-kesalahan yang dijatuhkan kepada penghuni-penghuni masa ini, kesalahan curi dan dadah masih merupakan dua kesalahan yang tertinggi. Perkara ini adalah sangat membimbangkan, terutama sekali yang membabitkan para belia. Oleh yang demikian, adalah mustahak bagi Jabatan Penjara untuk terus bekerjasama dengan agensi-agensi lain termasuk juga penghulu mukim dan ketua-ketua kampung bagi mengurangkan keskes ini berlaku dalam masyarakat kita.

Ke arah ini salah satu daripada usaha Jabatan Penjara ialah bagi mengurangkan kadar residivis iaitu kemasukan semula. Saya telah difahamkan bahawa Jabatan Penjara telah dapat mencapai sasaran Key Performance Indicator (KPI) berasaskan kadar residivis kohort tahun 2015 adalah 15.73 peratus, dan menurun bagi kohort 2016 kepada 9.69 peratus dan terus menurun kepada 7.77 peratus



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Upacara Perbarisan Kehormatan Hari Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66, Tahun 2020 pada 10 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 5 Mac 2020 Masih di Padang Kawad, Pusat Latihan Jabatan Penjara.

bagi kohort 2017.

Alhamdulillah, di sini dapatlah dinilai bahawa kadar penurunan residivis bagi kohort untuk tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2015 hingga tahun 2017, membuktikan bahawa sebahagian besar program-program pemulihan *in-care* dan *after-care* yang dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Penjara memberikan impak yang positif kepada penghuni-penghuni. Semoga sasaran KPI Jabatan Penjara bagi kohort 2020 iaitu pengurangan residivis di bawah kadar 15 peratus akan terlaksana dengan jayanya, Amin.

Dalam usaha pemulihan ini tidak dinafikan bahawa program berbentuk spiritual atau pendidikan rohani memberi kesan yang besar kepada penghuni. Sehubungan ini, kita bersyukur program membaca dan menghafaz Al-Quran mendapat sambutan yang menggalakkan. Pada masa ini, seramai 11 orang penghuni tempatan mengikuti Program Menghafaz Al-Quran dengan hafazan yang tertinggi sebanyak lapan juzuk. Di samping itu, Program Khatam Al-Quran di dalam tempoh tiga bulan sekali juga adalah satu program pemulihan yang bermanfaat dalam menghidupkan amalan membaca

Al-Quran di jiwa penghuni-penghuni beragama Islam. Program ini diharap memberi kesan apabila mereka dibebaskan nanti. Berhubung Program Menghafaz Al-Quran, saya menyarankan kepada Jabatan Penjara untuk bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu bagi mengkaji kaedah yang bersesuaian untuk meningkatkan lagi motivasi, kekuatan dan kelancaran hafalan penghuni-penghuni.

Satu aspek yang sama mustahaknya dalam rancangan pemulihan ialah program *after-care*. Penerimaan masyarakat adalah amat mustahak bagi memastikan para banduan yang meninggalkan tembok penjara ini diterima sebagai anggota masyarakat yang akan dapat memainkan peranan dan sumbangan mereka. Program-program pemulihan *after-care* memainkan peranan penting di dalam mengurangkan kadar residivis. Berdasarkan statistik pada tahun 2019, seramai 14 rakan seliaan menceburu bidang perniagaan, 12 rakan seliaan di dalam bidang perusahaan dan 22 rakan seliaan telah mendapat pekerjaan di sektor swasta.

Di dalam usaha mengembangkan lagi ekonomi rakan seliaan, pada 17 Oktober 2019, sebuah *showroom* telah dirasmikan bertempat di Beribi Light Industry, Gadong. Seramai 10 orang rakan seliaan terlibat dalam projek ini yang menghasilkan pelbagai produk. Setingga-tingga penghargaan diucapkan kepada Dewan Perniagaan Melayu Brunei yang telah memberikan kerjasama dan sokongan ke atas inisiatif ini. Projek seumpama ini hendaklah diteruskan dan dikembangkan lagi demi untuk menjamin pendapatan yang stabil dan berterusan rakan seliaan. Dalam masa yang sama ia akan mempermudahkan lagi proses pengintegrasian rakan seliaan ke dalam masyarakat.

Kejayaan yang saya sebutkan ini tidak akan tercapai tanpa adanya kerjasama yang erat serta sokongan padu daripada *stakeholder-stakeholder* rakan seliaan. Pada tahun 2019, sebanyak lapan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan 20 sektor swasta telah tampil ke hadapan menjadi *stakeholder - stakeholder* rakan seliaan. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), khususnya Jabatan Penjara ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan di atas kerjasama erat dan sumbangan berterusan yang telah diberikan oleh *stakeholder-stakeholder* rakan seliaan. Semoga sumbangan rakan-rakan seliaan akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal kebajikan jua.

Ke muka 8

Dari Sidang Pengarang.

8 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 14 شعبان

PENIADAAN GERAI RAMADAN LANGKAH TERBAIK BENDUNG COVID-19

SEDAR tak sedar kita sudah menghampiri bulan Ramadan. Di Negara Brunei Darussalam, rukuh anak bulan Ramadan 1441 Hijrah akan dilihat pada 23 April ini. Ini bermakna, kita akan menyambut bulan Ramadan kurang daripada 15 hari lagi.

Tidak dinafikan sejak beberapa bulan kebelakangan ini, bukan sahaja di negara kita, bahkan di seluruh dunia sibuk menangani penularan wabak COVID-19 yang sehingga kini masih belum ditemui ubatnya. Pandemik COVID-19 ini menyebabkan tumpuan dunia bagaimana untuk membendung penularannya.

Bercakap mengenai bulan Ramadan yang bakal tiba di sebalik wabak COVID-19 ini, setentunya beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan wabak ini akan terkawal, seperti peniadaan gerai Ramadan dan bagi penjaraan sosial, orang ramai disarankan untuk membuat pendaftaran secara dalam talian bagi pembahagian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda melalui aplikasi mudah alih dan laman sesawang 'Kurma App'.

Peniadaan gerai Ramadan yang kebiasaannya diadakan sepanjang bulan Ramadan mungkin sudah dijangkakan oleh orang ramai melihat situasi terkini. Pengajuran gerai Ramadan di negara kita tahun ini terpaksa ditunda sebagai langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan wabak COVID-19. Ini adalah demi kesejahteraan dan keselamatan orang awam serta berpanduan kepada nasihat Kementerian Kesihatan. Ia juga sebagai langkah berterusan pihak kerajaan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan orang ramai dengan mengelakkan daripada menghadiri ke tempat perkumpulan secara beramai-ramai dan keperluan untuk mengamalkan penjaraan sosial di tempat awam. Walaupun jumlah kes jangkitan di negara kita sudah menurun, tetapi kita tidak boleh ambil mudah dengan keadaan tersebut seperti di gerai Ramadan yang boleh menyebabkan orang ramai dengan mudah terdedah kepada wabak itu semula.

Peniaga atau penjaja perlu kreatif supaya perniagaan dapat berjalan seperti biasa pada bufan Ramadan dengan membuat perniagaan secara dalam talian. Dan juga menawarkan perkhidmatan penghantaran bagi pelanggan. Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-Jabatan Bandaran dan Jabatan-Jabatan Daerah serta Jabatan Belia dan Sukan akan menyelaras inisiatif perkhidmatan perniagaan untuk membantu peniaga-peniaga dengan khidmat nasihat menggunakan portal www.ekadaibrunei.bn, iaitu sebuah portal direktori dalam talian yang menyediakan pautan laman sesawang ke platform-platform e-Dagang tempatan, penyedia-penyedia perkhidmatan penghantaran dan logistik. Projek ini merupakan usaha sama antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Darussalam Enterprise (DARE).

Langkah-langkah yang diusahakan oleh pihak kerajaan ini sangat dihargai apatah lagi ia dilakukan untuk membantu para peniaga meneruskan perniagaan yang lazimnya mereka buat semasa bulan Ramadhan.

Memang tidak dapat dinafikan, mata pencarian mereka sedikit sebanyak akan terjejas kerana perniagaan gerai Ramadan ini. Namun, sebagai orang Islam yang percaya bahawa rezeki ada di mana-mana, kita berdoa dan berusaha sedaya upaya kita. InsyaAllah dengan kesabaran, di samping langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kerajaan akan memberikan rezeki yang berkat. - Ketua Penyuntingan (Ri).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 °C	31 °C	32 °C
25 °C	26 °C	26 °C
PEKAN BANGAR		
30 °C	31 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
30 °C	30 °C	32 °C
25 °C	25 °C	26 °C
KUALA BELAIT		
30 °C	31 °C	32 °C
25 °C	26 °C	25 °C
Watalhualam Bissawab	Talian Cuaca	Brunei WX App
Jabatan Kajiciuaca Brunei Darussalam	114	Google Play Apple
www.met.gov.bn		

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
8	RABU	14	4.48	4.58	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28 7.38
9	KHAMIS	15	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28 7.38
10	JUMAAT	16	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.29	6.28 7.38
11	SABTU	17	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28 7.37
12	AHAD	18	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27 7.37
13	ISNIN	19	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27 7.37
14	SELASA	20	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27 7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS	POLIS	BOMBA	PENYELAMAT	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC
991	993	995	998	123	2380214	

COVID-19 : 85 pesakit sembahuh, tiada kes baharu dilaporkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kanan) pada Sidang Media tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Pada ketika ini jelas Yang Berhormat, terdapat 49 kes yang masih dirawat di Pusat Pengasingan

Kedatangan warga asing perlu pengasingan diri 14 hari

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata, kesemua warga asing yang datang ke Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, iaitu membuat pengasingan diri mandatori selama 14 hari sepenuhnya di tempat-tempat penginapan yang dikenal pasti oleh pihak kerajaan dengan

menanggung sepenuhnya kos pembayaran pengasingan diri tersebut.

Menurut Yang Berhormat, walaupun hari ini adalah hari ketiga berturut-turut NBD tidak melaporkan sebarang kes baharu wabak COVID-19 dan keadaan wabak tersebut di negara ini adalah terkawal, namun penularan wabak COVID-19 ini masih belum berakhir.

"Orang ramai dikehendaki mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan

(ECMO).

Sementara itu katanya lagi, satu kes adalah dalam pemantauan rapi, manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Pada hari ini juga menurut Yang Berhormat, jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah seramai 2,237 orang dan hanya 138 orang sahaja yang masih menjalani kuarantin.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 184 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, iaitu virus yang menyebabkan COVID-19, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan setakat ini adalah sebanyak 8,445 ujian sejak Januari 2020.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

risiko penularan wabak tersebut daripada berleluasa dan mengamalkan nasihat-nasihat dan saranan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi.

Yang Berhormat menjelaskan, antaranya ialah untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan sosial (*social and physical distancing*), terutamanya ketika berada di tempat-tempat awam seperti di gedung-gedung perniagaan, pasar-pasar dan tamu-tamu serta kedai-kedai; tidak meluangkan masa yang terlalu lama semasa membuat pembelian, serta mengelakkan daripada memasuki ke tempat-tempat yang sesak dan ramai orang.

Yang Berhormat juga menekankan sekali lagi mengenai kepentingan mengelakkan perkumpulan ramai atau *mass gathering*. Ini termasuklah mengelakkan berkumpul di mana-mana premis yang boleh menjadi kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, di mana kegagalan mematuhi arahan dan jika sabit kesalahan boleh membawa kepada denda tidak melebihi BND10,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

"Bagi orang ramai yang kurang sihat, adalah dinasihatkan untuk tidak keluar rumah dan sentiasa menggunakan *face mask*, terutama jika perlu keluar rumah dan untuk segera mendapatkan rawatan. Orang ramai juga disarankan untuk mengamalkan kebersihan diri, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun ataupun menggunakan *hand sanitizer*, serta mengamalkan etika bersin dan batuk yang betul," ujar Yang Berhormat lagi.

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

18.5 peratus jangkitan kes COVID-19 warga asing

Menurut statistik kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam setakat ini, 25 daripada 135 kes yang telah dikesan (18.5 peratus) adalah dalam kalangan warga asing. Ini termasuk beberapa orang pekerja asing yang bekerja di negara ini.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan akan mempertingkatkan pemantauan penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, khususnya dalam kalangan pekerja-pekerja asing, di mana Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan melaksanakan ujian makmal secara rambang (*random*) dalam kalangan pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara ini.

Penutupan sementara dilanjutkan hingga 13 April 2020

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan bahawa penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara dilanjutkan lagi selama seminggu mulai Selasa (waktu Subuh), 13 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 7 April 2020 Masihi hingga Isnin (waktu Isyak), 20 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 13 April 2020 Masihi.

JHEM, RTB bekerjasama menyemarakkan Malam Nisfu Syaaban

Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) akan bekerjasama menyiaran secara langsung dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien, bacaan Surah Yaa Siin berserta doa bagi menyemarakkan malam Nisfu Syaaban yang akan jatuh pada Rabu (malam Khamis), 15 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 8 April 2020 Masihi, di mana ia juga terkandung dalam tempoh penutupan sementara masjid.

Di samping itu, orang ramai di rumah masing-masing bolehlah mengikuti sama Bacaan Surah Yaa Siin dan doa tersebut.

Gerai Ramadan ditiadakan

Ke arah mempertingkatkan lagi langkah-langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan demi kesejahteraan serta keselamatan orang awam dengan berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua gerai Ramadan di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Bandaran, Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan Belia dan Sukan ditiadakan pada tahun ini.

Warga asing dikehendaki mematuhi syarat pengasingan diri

Semua warga asing yang datang ke Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, iaitu membuat pengasingan diri mandatori selama 14 hari sepenuhnya di tempat-tempat penginapan yang dikenal pasti oleh pihak kerajaan dengan menanggung sepenuhnya kos pembayaran pengasingan diri tersebut.

Walaupun negara mencatat tidak ada sebarang kes baharu untuk hari ketiga berturut-turut dan keadaan wabak tersebut di negara ini adalah terkawal, namun penularan wabak COVID-19 ini masih belum berakhir.

Orang ramai dikehendaki mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko penularan wabak tersebut daripada berleluasa dan mengamalkan nasihat-nasihat dan saranan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Beras pulut diberikan 50 peratus diskaun

Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan bahawa Jabatan Perbendaharaan akan menjual beras pulut yang ada di Kompleks Stor dan Perbekalan Negara kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) juga Pengusaha-pengusaha Persendirian dengan memberikan 50 peratus diskaun selama sebulan bermula Rabu, 8 April 2020.

Dengan pemberian diskaun ini, harga beras pulut adalah BND3.80 bagi satu beg seberat 10 kilogram berbanding BND7.60.

Ini adalah sebagai inisiatif tambahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membantu kelangsungan perniagaan para PMKS juga Pengusaha-pengusaha Persendirian yang berkecimpung dalam penyediaan dan penjualan kuih-muih yang menggunakan beras pulut sebagai bahan asas, seperti kelupis, wajid, seri-muka dan lain-lain.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Waktu Operasi 24 jam setiap hari

Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui Telegram rasmi GOV.BN

<https://t.me/govbnofficial>

atau imbas QR code



Beras pulut diskaun 50 peratus buat PMKS, pengusaha persendirian

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan bahawa Jabatan Perbendaharaan akan menjual beras pulut yang ada di Kompleks Stor dan Perbekalan Negara kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) juga Pengusaha-pengusaha Persendirian dengan memberikan 50 peratus diskaun selama sebulan bermula Rabu, 8 April 2020.

Menurut Yang Berhormat, dengan pemberian diskaun ini, harga beras pulut adalah BND3.80 bagi satu beg seberat 10 kilogram berbanding BND7.60.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Yang Berhormat pada Sidang Media yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Jelas Yang Berhormat, ia sebagai inisiatif tambahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membantu kelangsungan perniagaan para Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

(PMKS) serta Pengusaha-pengusaha Persendirian yang berkecimpung dalam penyediaan dan penjualan kuih-muih yang menggunakan beras pulut sebagai bahan asas seperti kelupis, wajid, seri muka dan lain-lain, dan dengan mengambil kira juga peniadaan majlis-majlis perkahwinan, dan peniadaan semua gerai di bulan Ramadan di bawah kawalan Jabatan-jabatan Bandaran, Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan Belia dan Sukan yang lazimnya diadakan di sepanjang bulan Ramadan, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Sidang

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media berkenaan.

Media pada 6 April 2020.

Untuk maklumat lanjut tambahnya, bolehlah menghubungi Jabatan Perbendaharaan menerusi talian +673 2383666 sambungan 7788 atau melalui e-mel ap.stor@treasury.gov.bn bagi membuat tempahan dan perjanjian kehadiran ke Kompleks Stor dan Perbekalan Negara.

Yang Berhormat juga ingin menyeru bagi inisiatif tambahan ini tidak disalahgunakan dan jika



didapati, Kementerian Kewangan dan Ekonomi tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang.

Hargai perbelanjaan negara kawal situasi COVID-19

Ryan Logistic.

"Pihak kerajaan, terutama sekali Kementerian Kesihatan, sangat menghargai dan sangat mengalu-alukan segala sumbangan yang dihulurkan dari FTI dan orang ramai dan baru-baru ini, Sekolah JIS menyumbangkan *face shield* yang sangat berguna terutama bagi *frontliners* di Pusat Pengasingan dan yang mengendalikan *swab*," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Mengenai pengambilan sampel terhadap buruh-buruh yang tiba di negara ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, pada masa ini sudah mula membuat pengambil sampel, termasuk flu klinik juga sedang membuat pengambilan sampel.

Menyentuh mengenai pemantauan dalam persediaan makanan bagi perkhidmatan restoran termasuk *takeaway* terus dijalankan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, setakat ini pemantauan mengenai persediaan makanan di bawah Public Health dan walaupun pada masa ini penularan COVID-19, pemantauan memang diteruskan.

Pada sesi Sidang Media tersebut,

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga menghargai atas sumbangan yang diberikan seperti penutup mulut dan hidung (*face mask*) bagi *frontliners* negara serta alat pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II

berkata, Syarikat Amann Shipping

menyumbang 100,000 *face mask*

untuk *frontliners*, manakala turut

memberi sumbangan juga iaitu

pelindung muka (*face shield*).

COVID-19 : 18.5 peratus jangkitan dari kalangan warga asing



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri), Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kanan) dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan (tengah) hadir pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Negara Brunei Darussalam merekodkan tiada kes baharu yang disahkan dijangkiti jangkitan wabak COVID-19 berikutan pengumuman oleh Kementerian Kesihatan dan jumlah kes keseluruhan COVID-19 di negara ini kekal sebanyak 135 kes setakat ini.

Walau bagaimanapun, penularan jangkitan wabak COVID-19 ini masih belum berakhir dan kita masih perlu mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan wabak tersebut daripada berleluasa.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah,

Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sebanyak sembilan lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 82 orang.

"Ini bermakna terdapat 52 kes lagi yang masih dirawat di Pusat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, satu daripada tiga kes yang sebelum ini dalam keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di Pusat tersebut telah beransur pulih dan tidak lagi memerlukan bantuan mesin pernafasan. Pada ketika ini, beliau adalah di dalam pemantauan rapi. Sementara itu, dua orang masih dalam keadaan kritis, di mana salah seorang daripadanya masih memerlukan bantuan mesin

tambahan Heart / Lung Machine (ECMO). Sementara itu, selebihnya adalah dalam keadaan yang baik," tambahnya.

Menurut Yang Berhormat, pada hari ini juga, jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah seramai 2,124 orang dan hanya 237 orang sahaja yang masih menjalani kuarantin.

Dalam masa yang sama, seramai 305 orang lagi menamatkan tempoh pengasingan diri di tempat-tempat pengasingan yang disediakan oleh kerajaan dan dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing, membawa kepada jumlah keseluruhan seramai 628 orang. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 8,261 ujian makmal bagi COVID-19 dijalankan, yang membawa nisbah kepada satu dalam 53 orang ramai yang sudah dibuat pemeriksaan bagi COVID-19.

Yang Berhormat berkata, menurut statistik kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam setakat ini, 25 daripada 135 kes

yang dikesan (18.5 peratus) adalah dalam kalangan warga asing. Ini termasuk beberapa orang pekerja asing yang berkerja di negara ini.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan jelas Yang Berhormat, akan mempertingkatkan pemantauan penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, khususnya dalam kalangan pekerja-pekerja asing, di mana Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan melaksanakan ujian makmal secara rambang (*random*) dalam kalangan pekerja-pekerja asing yang berkerja di negara ini.

"Majikan-majikan yang terpilih akan dihubungi untuk membawa pekerja-pekerja berkenaan menjalani ujian makmal secara percuma. Kerjasama dari majikan-majikan berkenaan adalah sangat diharapkan bagi membantu usaha pihak kerajaan membendung penularan wabak tersebut di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan juga sekali lagi ingin menekankan kepada orang ramai, walaupun pada masa ini, penularan jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah terkawal, namun kita tidak boleh leka dan seharusnya terus-menerus melakukan langkah-langkah pencegahan.

Bagi gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai runcit hendaklah melaksanakan langkah-langkah, seperti menyediakan alat pemeriksaan suhu badan dan *hand sanitizer*, di samping mengehadkan jumlah pelanggan pada satu masa, membuat tanda-tanda penjarakan diri, memastikan kebersihan troli-troli dan bakul-bakul serta lain-lain.

Tambah Yang Berhormat,

peniaga-peniaga adalah juga dinasihatkan untuk menyediakan kaedah penjualan alternatif dalam usaha untuk mengurangkan kontak dan perkumpulan ramai seperti memberikan perkhidmatan pandu lalu (*drive thru*), perkhidmatan hantaran ke rumah-rumah (*delivery service*), perkhidmatan pengambilan sendiri (*self-pickup service*) dan lain-lain.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa mempraktikkan penjarakan fizikal dan sosial (*social and physical distancing*) ketika berada di gedung-gedung perniagaan, pasar-pasar sayur dan ikan, kedai-kedai runcit dan di mana-mana juja, tidak meluangkan masa yang terlalu lama semasa membuat pembelian juga mengelakkan daripada memasuki ke tempat-tempat yang sesak dan ramai orang.

Bagi mereka yang berisiko tinggi terutama sekali warga emas sebaiknya untuk lebih berhati-hati ataupun berjaga-jaga dan sebolehnya segala pembelian keperluan sehari-hari dipesan kepada ahli keluarga lain yang berisiko rendah.

"Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan mengingatkan dan menasihatkan orang ramai, untuk mengutamakan kaedah penggunaan dalam talian atau *online* bagi segala urusan kerajaan atau perbankan yang mempunyai kemudahan untuk membolehkannya berbuat demikian," tegas Yang Berhormat.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa sahaja) atau melalui aplikasi *healthinfo.gov.bn*.

Raih pahala sunat sembahyang berjemaah bersama keluarga di rumah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir pada Sidang Media tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sangat menghargai semangat cintakan

masjid, khususnya dalam kalangan orang ramai di negara ini yang prihatin untuk datang ke masjid dan bersembahyang jemaah seperti biasa.

Namun dalam merindukan saat tibanya untuk ke masjid itu, mereka juga memahami keperluan penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat itu dikuatkuasakan yang kerananya sudah tiga kali Jumaat kita tidak bersembahyang Jumaat, di mana akan memasuki Jumaat keempatnya dengan penutupan yang dilanjutkan seminggu lagi mulai esok Selasa.

Demikian juga berjemaah sembahyang lima waktu telah tidak dilakukan oleh jemaah yang biasa mendatangi masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat kecuali oleh pegawai-pegawaiannya yang bertugas.

Berkata pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, dalam hal ini memanglah kita kehilangan

kesempatan meraih pahala datang ke masjid dan beribadat seperti biasa.

Walau bagaimanapun ujar Yang Berhormat, dalam masa yang sama kita sebenarnya melaksanakan ajaran sunnah bahkan mematuhi perintah wajib untuk menghindari bahaya, sesuai dengan riwayat oleh Al-Imam Bukhari dalam Sahih Bukhari, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Apabila kamu mendengar mengenainya (wabak taun) di sesuatu tempat, maka jangan kamu masuki tempat tersebut. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada dalamnya, jangan kamu keluar melarikan diri daripadanya".

(Hadis ini pernah dibaca oleh 'Abd al-Rahman bin 'Auf kepada Khalifah 'Umar bin al-Khattab ketika beliau hendak bercadang pergi ke Syam semasa wabak taun sedang merebak di sana pada zaman pemerintahannya. Mendengar hadis ini, Amirul Mukminin 'Umar al-Khattab membatalkan hasratnya).

Menurut Yang Berhormat, tidak dapat ke masjid beribadah

seperti biasa itu adalah juga satu kesempatan atau peluang untuk meraih pahala sunat bersembahyang jemaah bersama keluarga di rumah.

"Pendek kata dalam keadaan penutupan sementara yang dikuatkuasakan sekarang, kita ambillah peluang-peluang untuk bersembahyang jemaah bersama keluarga di rumah, di mana akan mendatangkan keberkatan juga kepada rumah kita dan ahli-ahli keluarga," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, semasa menjawab soalan yang diutarakan oleh pihak media berhubung sekiranya pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan melaksanakan pembayaran zakat secara dalam talian (*online*) atau e-zakat semasa bulan Ramadan akan datang, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkata, pembayaran zakat masih boleh dilaksanakan seperti kebiasaannya sebagai mana tahun-tahun yang lalu.

Seperti lazimnya jelas Yang Berhormat, kita mempunyai tiga jenis zakat iaitu Zakat Fitrah, iaitu zakat perseorangan yang dibayar bermula awal hingga penghujung

Ramadan, Zakat Harta iaitu hasil simpanan (*income*) yang lebih daripada perbelanjaan dan Zakat Perniagaan.

Jadi berhubung dengan situasi penularan jangkitan wabak COVID-19 pada masa ini ujarnya, isu yang timbul ialah untuk datang ke masjid-masjid atau tempat-tempat pembayaran zakat untuk menyerahkan kepada amil-amil.

"Jadi hal ini, kitani lihat boleh diaturkan, sebagaimana juga yang telah dibenarkan untuk melakukan pembelian ke pasar raya-pasar raya agar orang ramai tidak berhimpun. Jadi ini boleh kita aturkan, amil akan duduk di tempatnya seperti kebiasaannya dan boleh dilaksanakan penjarakan sosial dan penjarakan fizikal, termasuk kawalan agar tidak berhimpun juga dapat dilaksanakan," jelas Yang Berhormat.

Sementara Zakat Harta dan Zakat Perniagaan pula jelasnya dapat dibayar melalui cara mewakilkan kepada pihak bank-bank Islam di negara ini untuk melaksanakannya dengan memotong daripada akaun masing-masing.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan langkah-langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 pada Sidang Media.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Ke arah mempertingkatkan lagi langkah-langkah membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan demi kesejahteraan juga keselamatan orang awam dengan berpanduan kepada nasihat Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua gerai Ramadan di bawah kawalan Jabatan-jabatan Bandaran, Jabatan-jabatan Daerah juga Jabatan Belia dan Sukan yang lazimnya diadakan di sepanjang bulan Ramadan adalah ditiadakan pada tahun ini.

Ia juga adalah sebagai langkah berterusan pihak kerajaan untuk

COVID-19 : Gerai Ramadan ditiadakan tahun ini

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

menjaga kesihatan dan keselamatan orang ramai dengan mengelakkan daripada menghadiri ke tempat perkumpulan secara beramai-ramai dan keperluan untuk mengamalkan penjarakan sosial di tempat awam selaras dengan nasihat Kementerian Kesihatan.

Perkara tersebut diumumkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat berkata, sebagai alternatif kepada peniadaan gerai Ramadan pada tahun ini dan bagi memastikan peluang perniagaan pada bulan Ramadan tetap ada, KHEDN melalui Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan-jabatan Daerah juga Jabatan Belia dan Sukan akan menyelaras inisiatif perkhidmatan perniagaan secara dalam talian (*online*) untuk membantu peniaga-peniaga dengan khidmat nasihat menggunakan portal www.ekadaibrunei.bn, iaitu

sebuah portal direktori dalam talian yang menyediakan pautan laman sesawang ke platform-platform e-Dagang tempatan, penyedia-penyedia perkhidmatan penghantaran dan logistik.

Projek ini jelas Yang Berhormat merupakan usaha sama di antara Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, KHEDN, Pihak Berkua Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Darussalam Enterprise (DARE) yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, pada 28 Mac 2020 semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.

"KHEDN berharap orang ramai, khususnya peniaga-peniaga Gerai Ramadan akan memberikan kerjasama dan sokongan kepada inisiatif projek e-Dagang ini demi menjamin kelangsungan perniagaan para pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di negara ini dan seterusnya dapat memenuhi permintaan pelanggan semasa bulan Ramadan ini. Sama-sama kita berdoa semoga keadaan yang dihadapi ini

akan membawa hikmah kepada kemajuan perniagaan peniaga-peniaga di masa akan datang. Dalam masa yang sama, peniaga-peniaga juga digalakkan untuk mencari alternatif lain yang difikirkan bersesuaian, seperti penyediaan perkhidmatan penghantaran terus ke rumah-rumah pelanggan," tambah Yang Berhormat.

Sementara itu, semasa menjawab soalan pihak media mengenai gerai-gerai di tepi jalan semasa bulan Ramadan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan bahawa peniadaan Gerai Ramadan tersebut adalah juga termasuk penjaja-penjaja yang berniaga di tepi jalan dan ini adalah bagi sebagaimana usaha kita untuk sama-sama menghormati dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan demi kebaikan bersama.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai, khususnya peniaga-peniaga Gerai Ramadan bolehlah menghubungi pihak AITI di talian +673 2323232 atau eKadaiBrunei@aiti.gov.bn dan DARE Helpdesk, di talian +673 8363442 / +673 2384830 atau info@dare.gov.bn dan juga Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan-jabatan Daerah juga Jabatan Belia dan Sukan semasa waktu bekerja dan di luar waktu bekerja mengenai inisiatif

perkhidmatan perniagaan secara dalam talian (*online*) yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Nombor perhubungan bagi Jabatan Daerah Brunei dan Muara ialah +673 2381454 (semasa waktu bekerja sahaja) dan +673 8840271 (di luar waktu bekerja).

Manakala bagi Jabatan Daerah Belait : +673 3334335 / 6 / 7 sambungan 1111 / 1125 (semasa waktu bekerja) dan +673 8711316 (di luar waktu bekerja). Seterusnya, Jabatan Daerah Tutong : +673 4222491 sambungan 133 (semasa waktu bekerja) dan +673 7233954 (di luar waktu bekerja) dan Jabatan Daerah Temburong : +673 5221266 / 5 sambungan 117 (semasa waktu bekerja) dan +673 8371724 (di luar waktu bekerja).

Selain itu, nombor perhubungan bagi Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan : +673 2232424 sambungan 131 (semasa waktu bekerja) dan +673 8872958 (di luar waktu bekerja); Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria : +673 3340631 (semasa waktu bekerja) dan +673 8872233 (di luar waktu bekerja); Jabatan Bandaran Tutong : +6734221232 sambungan 200 (semasa waktu bekerja) dan +673 8117115 (di luar waktu bekerja) dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) di talian +673 2381903 / 4 / 5 sambungan 1329 / 1311 (semasa waktu bekerja) dan +673 8762007 (di luar waktu bekerja).

Penutupan sementara masjid, surau, balai ibadat : Dilanjutkan hingga 13 April

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan bahawa penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara akan dilanjutkan lagi selama seminggu mulai Selasa (waktu Subuh), 13 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 7 April 2020 Masihi hingga Isnin (waktu Isyak), 20 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 13 April 2020 Masihi.

Penutupan sementara tersebut adalah pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian

Kesihatan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan ketetapan tersebut adalah hasil penilaian Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam persidangannya yang diadakan pada Sabtu, 4 April 2020 berdasarkan keterangan dan nasihat Kementerian Kesihatan bahawa masih terdapat bahaya jangkitan wabak COVID-19 di negara ini dan bersesuaian dengan Fatwa Mufti Kerajaan bilangan 02 / 2020 mengenai kewajipan menghindari daripada bahaya wabak itu.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, dalam menimbangkan ketetapan bagi melanjutkan penutupan sementara yang dimaksudkan, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) meneliti tiga pilihan yang dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan bagi masjid-masjid,

surau-surau dan balai-balai ibadat boleh dibuka untuk sembahyang - sembahyang berjemaah seperti sedia kala.

Yang pertama ialah menunggu sehingga Negara Brunei Darussalam disahkan bebas sepenuhnya daripada jangkitan wabak, iaitu apabila tempoh dua kali *incubation period* selama 28 hari daripada kes terakhir tidak ada lagi kes baru jangkitan sepanjang tempoh berkenaan; atau yang Kedua; Berpandukan kepada *limited spread* keluarga terakhir dijangkiti (jangkitan kes ke-131), di mana tarikh terakhirnya itu akan jatuh pada 15 April 2020 Masihi dan yang ketiga, iaitu pembukaan semula masjid, surau dan balai-balai ibadat boleh ditimbangkan ketika ini juga, dengan memenuhi syarat-syarat penjagaan kesihatan dilakukan secara berterusan bagi menghindarkan penularan jangkitan wabak COVID-19.

Hal ini melibatkan beberapa tatacara pembersihan masjid, surau dan balai ibadat secara berterusan dan kawalan ke atas orang ramai yang datang berjemaah, termasuk juga tatacara sembahyang berjemaah yang diperkenalkan, iaitu penjarakan di antara jemaah menurut sebagaimana yang diharuskan oleh hukum syarak dalam keadaan dan suasana kita menghadapi jangkitan wabak COVID-19 pada masa ini.

MUIB ujar Yang Berhormat menimbangkan ketiga-tiga senario pilihan yang dibentangkan itu, di mana pertimbangan utama ialah bagi memastikan keselamatan

surau-surau dan balai-balai ibadat boleh dibuka untuk sembahyang - sembahyang berjemaah seperti sedia kala. Yang pertama ialah menunggu sehingga Negara Brunei Darussalam disahkan bebas sepenuhnya daripada jangkitan wabak, iaitu apabila tempoh dua kali *incubation period* selama 28 hari daripada kes terakhir tidak ada lagi kes baru jangkitan sepanjang tempoh berkenaan; atau yang Kedua; Berpandukan kepada *limited spread* keluarga terakhir dijangkiti (jangkitan kes ke-131), di mana tarikh terakhirnya itu akan jatuh pada 15 April 2020 Masihi dan yang ketiga, iaitu pembukaan semula masjid, surau dan balai-balai ibadat boleh ditimbangkan ketika ini juga, dengan memenuhi syarat-syarat penjagaan kesihatan dilakukan secara berterusan bagi menghindarkan penularan jangkitan wabak COVID-19.

Hal ini melibatkan beberapa tatacara pembersihan masjid, surau dan balai ibadat secara berterusan dan kawalan ke atas orang ramai yang datang berjemaah, termasuk juga tatacara sembahyang berjemaah yang diperkenalkan, iaitu penjarakan di antara jemaah menurut sebagaimana yang diharuskan oleh hukum syarak dalam keadaan dan suasana kita menghadapi jangkitan wabak COVID-19 pada masa ini.

MUIB ujar Yang Berhormat menimbangkan ketiga-tiga senario pilihan yang dibentangkan itu, di mana pertimbangan utama ialah bagi memastikan keselamatan

jemaah. Menurut Yang Berhormat lagi, hukum syarak sebagaimana yang difatwakan adalah mengutamakan keselamatan dengan menghindarkan kebinasaan-kebinasaan daripada setakat untuk mendapatkan *masholeh* yakni kepentingan atau faedah-faedah, iaitu daripada kaedah fiqh (menolak mudharat [bahaya] lebih didahulukan dari mengambil manfaat) yang dalam perkara penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat ialah mendapatkan pahala datang ke masjid untuk sembahyang sembahyang waktu berjemaah dan menunaikan Fardu Ain bersembahyang Jumaat.

Maka Majlis menetapkan langkah yang tepat dibuat atau pilihan yang lebih utama diambil ialah memastikan masjid, surau dan balai ibadat dibuka dalam keadaan yang tidak lagi membahayakan jemaah yang datang dan orang lain secara umumnya.

"Ke arah itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah dan sedang bergerak melaksanakannya. Dalam hal ini, Jabatan berkenaan akan bersama-sama Ahli-ahli Takmir Masjid dan sukarelawan yang terdiri daripada belia dan Muslimah masjid bagi memastikan pelaksanaan menjaga kebersihan yang berterusan dan memberikan kefahaman kepada jemaah masjid untuk bekerjasama mematuhi tatacara yang ditetapkan dalam garis panduan Kementerian Kesihatan bagi masjid, surau dan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika memaklumkan penutupan sementara masjid, surau dan balai ibadat pada Sidang Media tersebut.

balai ibadat dibuka semula," terang Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat seterusnya berkata, berhubung kegiatan keagamaan di malam Nisfu Syaabban yang akan jatuh pada Rabu (malam Khamis), 15 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 8 April 2020 Masihi, di mana ia juga terkandung dalam tempoh penutupan sementara masjid. Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) akan berkerjasama menyiaran secara langsung dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bacaan Surah Yaa Siin berserta doa. Orang ramai di rumah masing-masing bolehlah mengikuti sama Bacaan Surah Yaa Siin dan doa tersebut.

"HUKUM Syarak sebagaimana yang difatwakan adalah mengutamakan keselamatan dengan menghindarkan kebinasaan-kebinasaan daripada setakat untuk mendapatkan masholeh yakni kepentingan atau faedah-faedah, iaitu daripada kaedah fiqh (menolak mudharat [bahaya] lebih didahulukan dari mengambil manfaat) yang dalam perkara penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat ialah mendapatkan pahala datang ke masjid untuk sembahyang sembahyang waktu berjemaah dan menunaikan Fardu Ain bersembahyang Jumaat".

Majikan perlu peka tahap kesihatan para pekerja

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata bahawa daripada maklumat pihak Kementerian Kesihatan, hanya seramai dua orang pekerja warganegara Bangladesh di negara ini yang disahkan positif jangkitan COVID-19.

Kos rawatan termasuk ujian makmal bagi COVID-19 adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan dan kedua-dua pekerja warganegara Bangladesh ini dibenarkan pulang ke majikannya selepas menjalani rawatan di Pusat Pemantauan Kebangsaan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan semasa memberikan respon kepada kebimbangan orang ramai yang ditimbulkan dalam media sosial dan satu artikel dari laman sesawang di Bangladesh bertarikh 6 April 2020, berhubung penularan jangkitan wabak COVID-19 yang dikaitkan dengan kehadiran pekerja warganegara Bangladesh di negara ini dalam jumlah 25,000 orang yang dinyatakan dan dianggap sebahagian besar daripadanya tidak mempunyai

dokumen yang sah (*undocumented workers*) untuk berada di negara ini dan tujuh orang disahkan positif.

Yang Berhormat berkata, dua orang warga asing Bangladesh yang didapati positif menghidap jangkitan wabak COVID-19 itu, keberadaan mereka di negara ini adalah juga melalui proses tapisan atau penilaian yang melibatkan berbagai agensi, termasuk di dalam dan luar negeri, iaitu melalui pihak perwakilan Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat Bangladesh dan juga dipersyarikatan melalui agensi atau Kementerian yang berkenaan di Republik Rakyat Bangladesh.

Menurut statistik banci majikan dan pekerja (*labour census*) bagi tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh, terdapat seramai 12,841 pekerja warganegara Bangladesh di negara ini dan 73 peratus daripadanya, iaitu 9,400 bekerja di sektor pembinaan.

Yang Berhormat menambah, berkenaan dengan kedudukan warganegara asing yang tidak mempunyai dokumen sah (*undocumented migrants*), berdasarkan statistik Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi tempoh 2019 sehingga Mac 2020, warganegara asing yang didapati berada di negara ini tanpa dokumen-dokumen tertentu adalah seramai 13 orang terdiri daripada

12 orang warganegara Malaysia dan seorang warganegara Indonesia.

Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan Jabatan Buruh akan sentiasa dari semasa ke semasa melaksanakan pemeriksaan untuk memastikan peraturan dan undang-undang berkaitan dengan Pekerja Asing akan sentiasa dipatuhi.

Dalam hal ini jelas Yang Berhormat, dari statistik JIPK juga menunjukkan bahawa bagi tempoh yang sama, jumlah warganegara asing pemegang pas kerja yang didapati menyalahi atau melanggar syarat-syarat pas kerja adalah seramai 110 orang terbahagi kepada kategori, iaitu tidak bekerja dengan majikan asal dan membuat aktiviti perniagaan dan berjaya.

Dari 110 orang yang dikenakan tindakan, seramai 68 orang adalah warganegara Bangladesh, 22 orang adalah warganegara India dan 13 orang adalah warganegara Indonesia. Mereka yang bersalah dikenakan tindakan kompaun dan setelah itu diusir dan disenaraikan dalam senarai yang ditegah masuk ke negara ini.

Berkenaan dengan penguatkuasaan ke atas tempat tinggal pekerja pula ujar Yang Berhormat, sebanyak 18 amaran dikeluarkan oleh Jabatan Buruh kepada majikan kerana tidak menyediakan tempat tinggal yang kondusif dan jika berlarutan selepas pemeriksaan susulan,

Jabatan Buruh akan mengambil tindakan membatalkan lesen pekerja asing syarikat-syarikat berkenaan.

"Berikut dengan ini, adalah diingatkan bahawa setiap majikan adalah bertanggungjawab menjaga kebijakan pekerja-pekerja di bawah jaminannya, antaranya dengan mengetahui akan aktiviti-aktiviti dan keberadaan mereka dan menyediakan tempat tinggal yang kondusif sepertimana menurut Perintah Pekerjaan 2009.

"Untuk itu, dipohonkan kerjasama para majikan untuk melaporkan status kesihatan pekerja masing-masing yang mempunyai simptom-simptom tertentu; menekankan supaya pekerja-pekerja mematuhi nasihat-nasihat Kementerian Kesihatan, seperti penjarakan sosial dan meningkatkan tahap kebersihan pekerja masing-masing termasuk kebersihan tempat tinggal dan persekitaran kerja mereka bagi membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini," terang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ujar Yang Berhormat, Bab 83(2) Perintah Pekerjaan 2009 menghendaki majikan untuk memastikan pekerja yang sakit semasa menjalankan pekerjaannya dan memerlukan perhatian perubatan untuk diberikan rawatan dengan segera di hospital atau klinik perubatan. Kegagalan berbuat demikian adalah menjadi kesalahan dan jika sabit, boleh



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menjelaskan pada Sidang Media yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

dikenakan denda tidak melebihi BND3,000 atau hukuman penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam hal ini juga, merujuk kepada beberapa Sidang Media sebelum ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui JIPK melaksanakan beberapa tindakan tegahan kemasukan warganegara asing ke negara ini yang berkuatkuasa mulai pada 21 Mac 2020 bagi pekerja sahaja dan secara keseluruhannya pada 24 Mac 2020, termasuk perubahan masa beroperasi pos-pos kawalan Imigresen bagi sempadan-sempadan laluan darat, dengan pertimbangan khas, hanya diberikan kepada sektor-sektor kritis.

Dalam masa yang sama, warganegara asing yang diberikan kebenaran khas ini juga akan diarahkan untuk menjalani pengasingan diri di pusat-pusat pengasingan yang disediakan oleh kerajaan setiba mereka ke negara ini bagi tempoh 14 hari.

Kejururawatan, kebidanan tulang belakang sediakan perkhidmatan kesihatan

Bidan, jelas Yang Berhormat Menteri, dipandang mulia dan adalah juga antara kerjaya yang terpilih di dalam Islam, di mana sejak lebih 170 tahun, profesi kejururawatan dan kebidanan adalah tulang belakang yang memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan, di mana sahaja mereka berada di dunia ini.

Tegas Yang Berhormat Menteri, mereka menumpukan masa dan kapakaran mereka, bahkan sering kali berdepan dengan risiko dan bahaya, demi menjaga dan merawat pesakit-pesakit mereka dan seperti di negara-negara yang lain juga, setiap hospital di NBD memerlukan banyak khidmat para jururawat yang berkemahiran, oleh yang demikian, para Jururawat dan Bidan adalah antara profesional kesihatan yang sentiasa berusaha dan proaktif dalam memperkembangkan dan memperluaskan pengetahuan dan kemahiran mereka, di samping menghadapi pelbagai cabaran termasuk tren kehidupan, teknologi juga harapan tinggi daripada Doktor-doktor dan personel kesihatan yang lain, mahupun orang ramai.

Menurut Yang Berhormat Menteri lagi, dalam meningkatkan kemampuan dan pembangunan kapasiti dalam kalangan Jururawat dan Bidan di negara ini, Kementerian Kesihatan telah pun membuat pelbagai program latihan, seperti menggalakkan dan menyokong Jururawat untuk melanjutkan pelajaran dan latihan di dalam atau luar negeri untuk menerajui *multiple clinical*

disciplines

, seperti neonatologi, kardiologi, onkologi dan sebagainya, latihan *internship* selama satu tahun untuk membina asas kejururawatan bagi Jururawat yang baru sahaja menamatkan ijazah, latihan kompetensi (*competencies training*) bagi semua peringkat Jururawat, latihan pekerjaan bagi Jururawat Renal dan Jururawat Diabetic Education, program kepimpinan bagi pegawai Jururawat, program kepakaran bagi semua bidang Jururawat secara latihan *part-time* ataupun *on the job training* dengan kerjasama Politeknik Brunei dan Institute of Health Sciences, Universiti Brunei Darussalam dan sebagainya.

"Jumlah profesion kejururawatan dan kebidanan di seluruh dunia, mahupun di negara ini adalah berkurangan, yang mana setiap Jururawat dan Bidan diperlukan untuk menjalankan dan menyesuaikan diri dalam berbagai peranan dan tanggungjawab di tempat kerja. Pada masa ini, NBD mempunyai seramai 1,673 Jururawat dan 96 Bidan yang berdaftar. Mereka ini perlu sentiasa mengikuti Nursing Procedure Manual yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana ciri-ciri etika kerja yang dimaksudkan adalah asas utama untuk dijadikan sebagai garis panduan atau prosedur dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan sebagai Jururawat dan bidan yang profesional, khususnya dari aspek rawatan dan penjagaan kesihatan bagi COVID-19 di negara ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik."

Sementara itu, dalam perutusan Yang Berhormat Menteri juga

menyatakan dalam menangani isu-isu semasa, terutama dalam menangani jangkitan wabak COVID-19, para pekerja kesihatan di barisan hadapan (*frontliners*), para Jururawat dan Bidan, semuanya berhadapan dengan pelbagai dugaan yang sangat mencabar.

Namun begitu ujar Yang Berhormat Menteri, para jururawat sentiasa memberikan komitmen yang tinggi, termasuklah dalam memberikan rawatan dan penjagaan pesakit yang berkualiti tinggi, meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai wabak COVID-19; memberikan nasihat-nasihat juga ketenangan dalam menangani kebimbangan serta persoalan para pesakit mengenai COVID-19; dan segelintir daripada mereka juga membantu dalam mengumpul data-data untuk kajian klinikal, bahkan mereka sanggup berjaya dari keluarga mereka dan berdepan dengan bahaya virus tersebut demi memikul tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi untuk memberikan rawatan.

Terang Yang Berhormat Menteri lagi, memang tidak dapat dinafikan, tanpa adanya para Jururawat dan Bidan dalam menjalankan tugas mereka, sudah setentunya sistem penjagaan kesihatan bagi COVID-19 di negara ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik.

"Dalam kesempatan ini, saya berharap semua profesional Jururawat dan Bidan di negara ini akan terus melipatgandakan usaha bagi memantapkan kualiti, efisiensi dan

keberkesan perkhidmatan bagi kita bersama-sama mencapai kecemerlangan yang berpanjangan, di samping meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai, khususnya pesakit-pesakit. Saya yakin bahawa setiap Jururawat dan Bidan yang bekerja pada masa ini, lebih-lebih lagi bagi yang berhadapan dengan cabaran COVID-19 ini, akan dapat menjadi contoh teladan yang baik atau *role model* kepada semua yang ingin mencebur kejururawatan dan kebidanan di masa akan datang, untuk terus memartabatkan imej dan nama baik profesion kejururawatan dan kebidanan di negara ini sebagai profesion yang mulia, berintegriti, dihormati dan berterusan melaksanakan amalan-amalan yang terpuji lagi mulia.

"Akhir sekali, saya dan seluruh warga Kementerian Kesihatan ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada setiap Jururawat dan Bidan di negara ini yang telah banyak berjasa meluangkan masa dan tenaga, demi merawat pesakit-pesakit di negara ini. Marilah kita sama-sama meneruskan memberikan sokongan kepada para Jururawat dan Bidan, dan terus mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala membala budi baik serta sentiasa melimpahkan rahmatnya kepada profesional Jururawat dan Bidan di NBD. Aamiin Aamiin Yaa Rabbal Aalamiin," terang Yang Berhormat Menteri.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

Dari muka 1

"Ini adalah penting bagi setiap negara, termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD), demi menyumbang ke arah merealisasikan konsep Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage) di peringkat negara dan global, dan bagi mencapai sasaran yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan ibu-ibu dan anak; penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit; penjagaan kesihatan mental; respons dan persiapan terhadap kecemasan; dan sebagainya. Oleh yang demikian, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Kementerian Kesihatan menyertu orang ramai, bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia ini untuk memastikan setiap yang bergelar Jururawat dan Bidan akan mendapat sokongan yang padu dan kuat daripada orang ramai," terang Yang Berhormat Menteri.

Profesional kejururawatan dan

Kementerian Kesihatan terus terima sokongan, sumbangan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menerima sumbangan daripada Indian Chamber of Commerce Brunei yang disampaikan oleh Awang Nazeer Ahamed Zakiriah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Dalam sama-sama berganding bahu menangani lagi penularan jangkitan wabak COVID-19, khususnya di Negara Brunei Darussalam, sekali gus menanai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility), pelbagai pihak telah tampil untuk membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan.

Pada hari ini, sebanyak enam penderma yang terdiri daripada pelbagai syarikat, agensi dan

individu menyerahkan sumbangan masing-masing yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mewakili bagi pihak Kementerian Kesihatan menerima sumbangan daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu, Negara Brunei Darussalam yang berupa wang tunai berjumlah BND12,600.

Sumbangan tersebut

disampaikan oleh Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili dan turut dihadiri oleh Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramli dan Hajah Normala binti Ahmad.

Kementerian Kesihatan turut menerima sumbangan daripada Indian Chamber of Commerce Brunei : Nazmi Textile Mall, Samima Sdn. Bhd., T.M Majeed Group, Bismi Enterprise, Sifana Sdn. Bhd., Syarikat VEENAS Sdn. Bhd., Raimmar Sdn. Bhd., Faize Restaurant & Department Store, SITTHI Trading Sdn. Bhd., Perusahaan Yazid Bersaudara Sdn. Bhd., Syarikat Sameer Sdn. Bhd., Ameen Associates dan JPRI Sdn. Bhd. yang berupa cek keseluruhan yang berjumlah BND100,000. Sumbangan itu diserahkan oleh Pengarah Yazid Textile Mall serta Pengarah Urusan, Pengurus Syarikat dan wakil-wakil daripada syarikat-syarikat, Awang Nazeer Ahamed Zakiriah.

Selain itu, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif mewakili Kementerian Kesihatan menerima sumbangan daripada Personal Donation yang menyumbangkan 600 face shield mask dan diserahkan oleh Richard Chua Kheng Peng.

Seterusnya, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Dayang Sufinah binti Haji Serudin turut menerima sumbangan mewakili Kementerian Kesihatan daripada Energy Heavy Equipment Sdn. Bhd. dan Borneo Shipping Equipment Sdn. Bhd. yang menyumbangkan cek berjumlah BND10,000 dan diserahkan oleh Pengarah Urusan mereka, Ong Bok Chuan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

Kemudian, Kementerian Kesihatan turut menerima sumbangan daripada Institute of Health Services PAPRSBIHS, iaitu empat kotak *face shields* (40 keping / kotak) dan 20 kotak pencuci tangan. Sumbangan itu diserahkan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari dan Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadi. Sumbangan tersebut diterima oleh Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Akhir sekali, Kementerian Kesihatan turut menerima sumbangan daripada WMK Resource Management Services Sdn. Bhd. dan wakil bagi syarikat-syarikat yang lain, Michael Tan. Sumbangan tersebut diterima oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Dayang Sufinah binti Haji Serudin.



PEMANGKU Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, menerima sumbangan daripada Institute of Health Services PAPRSBIHS yang disampaikan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

HALUAN

Jabatan Penjara sedia sahut cabaran transformasi organisasi

Dari muka 2

Kita juga telah menyaksikan satu lagi kejayaan Jabatan Penjara dengan pelancaran logo *branding* INSAF, yang telah dilancarkan semasa Hari Terbuka dan Sesi Muzakarah KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Januari yang lepas. Di antara tujuan penggunaan logo ini ialah bagi meningkatkan lagi pemasaran Produk Kraf Tangan Jabatan Penjara. Adalah penting bagi kualiti produk kraf tangan sentiasa ditingkatkan dan diperlihara dari semasa ke semasa.

Saya juga difahamkan, Jabatan Penjara telah pun bersiap sedia untuk menyahut cabaran transformasi organisasi yang akan melibatkan penambahbaikan dalam aspek penahanan, pemulihan, latihan kakitangan, fasiliti penjara dan pengintegrasian bekas penghuni penjara. Di antaranya, pihak Jabatan Penjara sedang mengkaji dan merancang inisiatif baru seperti Perintah Kehadiran Wajib dan Sistem Parol bersama pihak kepentingan bagi mewujudkan program pemulihan di luar tembok penjara (Community Corrections).

Di dalam kematanjaban Jabatan Penjara Ke-66 Tahun ini dan sebagai sebuah pasukan beruniform yang berwibawa, adalah penting Jabatan Penjara memastikan pegawai dan anggota

Jabatan Penjara untuk sentiasa mempunyai disiplin yang tinggi, berwibawa, berintegriti, jujur, amanah dan tidak terlibat dengan mana-mana kegiatan yang tidak berfaedah seperti rasuah dan penyalahgunaan dadah dengan mentaati ajaran-ajaran ugama Islam dan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja. Tindakan yang tegas hendaklah segera diambil jika terdapat mana-mana pegawai atau anggota yang terlibat dengan jenayah dan melanggar peraturan-peraturan bekerja.

Di dalam memantapkan lagi pengurusan kepenjaraan, Jabatan Penjara haruslah merancang perkembangan tenaga manusia dengan baik dan teratur. Dalam menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat, Jabatan Penjara perlu memikirkan semula dasar dan strategi untuk menangani keperluan kerja yang akan berubah dalam masa akan datang. Ianya akan memberi impak, bukan sahaja kepada cara kerja pegawai dan kakitangan tetapi juga mengubah jenis *skill set training* kepada penghuni penjara yang mengikuti program peningkatan pemulihan. Di sini, saya ingin menyeru kepada seluruh warga Jabatan Penjara agar sentiasa menerokai ilmu pengetahuan yang lebih luas, berinovatif, berdaya tahan, berkeyakinan serta melipatgandakan usaha ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Bagi menggalakkan semangat

memacu momentum transformasi jabatan, Jabatan Penjara akan memperkenalkan dua inisiatif iaitu, pertama, Anugerah Institusi Penjara Terbaik (Best Correctional Institution Award) menggalakkan persaingan yang sihat (*healthy competition*) antara institusi-institusi penjara dalam memberi tumpuan kepada usaha peningkatan bagi mewujudkan sistem pengurusan yang lebih efisien, program-program pemulihan yang berkesan, budaya kerja yang positif dan pencapaian piawaian atau industri standard yang tinggi. Inisiatif yang kedua, Anugerah Inovasi Kepenjaraan (Correctional Innovation Award) akan diwujudkan sebagai penggalakan kepada semua pegawai dan kakitangan untuk meneroka dan mencuba idea-idea baharu yang boleh menghasilkan program-program yang lebih inovatif dan menyumbang kepada perkembangan jabatan secara keseluruhan. Program-program sebegini dijangka akan dapat menaikkan semangat kerja, motivasi dan disiplin pegawai dan anggota Jabatan Penjara.

Setiap kakitangan penjara tanpa mengira pangkat merupakan aset penting dalam perkhidmatan kepenjaraan. Ia memerlukan pengorbanan yang tinggi dan kemahiran serta kepakaran tertentu kerana tugas ini sentiasa berhadapan dengan pelbagai kemungkinan yang tidak dijangka seperti ancaman keselamatan

dan kesihatan. Pada majlis ini nanti, insyaAllah, kita akan sama-sama menyaksikan satu Majlis Penandatanganan Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara. Ini adalah langkah positif bagi mengimbangi risiko kerja dan imbalan bagi pegawai dan kakitangan penjara yang sentiasa berdepan dengan pelbagai bahaya semasa bertugas. Ini adalah usaha yang murni di dalam memeduli kesejahteraan pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara dan hendaklah diteruskan bagi tahun yang mendatang.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Pengelola kerana menjemput saya sebagai tetamu kehormat pada majlis ini. Ucapan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai dan anggota Jabatan Penjara yang bakal menerima penganugerahan sebagai 'Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara 2020'.

Selamat Menyambut Hari Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66 Tahun dan semoga segala usaha, pengorbanan dan niat suci abis Awang-awang / Dayang-dayang itu akan sentiasa mendapat keberkatan dan ganjarannya daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin, Amin Ya Rabbal 'Alamiin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



PEMBELAJARAN DI RUMAH

UNTUK PELAJAR TAHUN 6 YANG AKAN MENDUDUKI PSR
MATA PELAJARAN M.I.B., BAHASA INGGERIS, MATEMATIK,
SAINS DAN BAHASA MELAYU.



SIARAN UTAMA DI RTB ANEKA

ISNIN HINGA KHAMIS DAN SABTU
DARI JAM 8.30 PAGI HINGGA 11.00 PAGI



SIARAN ULANGAN DI RTB SUKMAINDERA

(BERMULA PADA ISNIN, 6TH APRIL 2020)

ISNIN HINGA KHAMIS DAN SABTU
PADA JAM 10.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI
& PADA JAM 1.30 PTG HINGGA 3.00 PTG



BOLEH DIIKUTI MENERUSI VIDEO-ON-DEMAND
(VOD) DI WWW.RTBGO.BN/VOD/

Pembelajaran Di Rumah bantu pelajar Tahun 6

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Ihsan Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Dalam usaha untuk memastikan momentum pembelajaran para pelajar diteruskan walaupun berada di rumah masing-masing semasa negara berdepan dengan pandemik COVID-19, kini sebuah rancangan, iaitu Pembelajaran Di Rumah boleh ditonton dari rumah atau di mana saja.

Rancangan Pembelajaran Di Rumah tersebut adalah untuk pelajar Tahun 6 yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang akan memfokuskan kepada mata pelajaran; Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Melayu Islam Beraja (MIB) dan Sains.

Menerusi Rancangan Pembelajaran Di Rumah tersebut, ia disampaikan oleh beberapa orang guru dari sekolah-sekolah kerajaan dan swasta.

Rancangan kerjasama Kementerian Pendidikan dengan Radio Televisyen Brunei (RTB) tersebut boleh ditonton melalui Siaran Utama di RTB Aneka, bersiaran pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu dari jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi.

Manakala Siaran Ulangan di RTB Sukmaidera, bersiaran pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu. Ia boleh ditonton dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi dan pada jam 1.30 petang hingga 3.00 petang.

Sementara itu, para pelajar dan orang ramai juga boleh menonton rancangan tersebut menerusi Video-On-Demand (VOD) di www.rtbgc.bn/VOD/.

Di samping itu, orang ramai juga boleh melayari laman media sosial Instagram Kementerian Pendidikan : *moe brunei* bagi mengikuti perkembangan jadual terkini bagi tajuk-tajuk mata pelajaran yang akan diajarkan menerusi Rancangan Pembelajaran Di Rumah tersebut.

Dengan adanya kolaborasi di antara Kementerian Pendidikan dan RTB ini akan memberikan alternatif yang berbeza bagi kaedah pengajaran dan pembelajaran, khususnya kepada pelajar Tahun 6.

MINDA PEMBACA

Utamakan kebersihan semasa penularan wabak

WABAK Coronavirus atau COVID-19 ialah wabak penyakit yang berterusan yang mula berlaku pada tahun 2019 yang kini menular semakin pantas tetapi masih boleh dibendung. Wabak ini menjadi satu pandemik yang berlaku di negara lain termasuk negara kita, Negara Brunei Darussalam baru-baru ini. Wabak COVID-19 telah disahkan tersebar di negara kita apabila kes pertama telah disahkan pada bulan Mac. Beberapa pihak tertentu telah mengambil langkah untuk mengurangkan penularan wabak tersebut, seperti penguatkuasaan perhimpunan besar-besaran, premis-premis makanan tidak dibenarkan untuk menyajikan makanan

dan beberapa usaha lain dari pihak tertentu. Diharapkan arahan yang diberikan dipatuhi oleh orang ramai dan menggunakan alternatif yang diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian, usaha pihak berkuasa perlu diteruskan dan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mengurangkan penularan wabak daripada terus meningkat di negara ini.

Wabak ini dapat dikawal dan dibendung dengan mengamalkan penjagaan kebersihan yang baik. Kepentingan menjaga kebersihan bukanlah suatu perkara yang baharu, malah hal ini telah diuar-uarkan berulang kali kepada orang ramai. Orang ramai sentiasa diingatkan agar menjaga dan menitikberatkan penjagaan

kebersihan diri terutama sekali dengan mencuci tangan. Mencuci tangan menggunakan sabun lebih efektif dan digalakkan kerana ia menjamin kebersihan tangan. Selain itu, penggunaan *hand sanitizer* juga boleh diamalkan bagi menghindari kuman dan kotoran yang terlekat di tangan.

Namun, dengan hanya mencuci tangan sahaja tidak mencukupi. Orang ramai perlu mengambil kira dan peduli tentang kebersihan persekitaran seperti barang peribadi, peralatan dan persekitaran rumah. Bagi menjaga kebersihan rumah dengan menggunakan pembersih atau pembasmi kuman dan kotoran bagi mengelak sebarang kuman berkumpul. Apa sahaja yang ada di sekeliling kita haruslah diambil kira

akan kebersihannya bagi memastikan kebersihan sentiasa dijaga.

Kita perlulah menyokong usaha pihak kerajaan dengan mematuhi arahan yang dikeluarkan. Jangan melanggar apa yang dilarang, sama-sama berganding bahu untuk mengurangi penularan wabak tersebut. Perkara ini bersesuaian dengan ungkapan lebih baik mencegah daripada mengubati. Harapan kita masalah ini dapat ditangani dengan berkesan dan berupaya untuk memulihkan keadaan negara kita Negara Brunei Darussalam seperti sedia kala.

Nama : Hazwani binti Haji Mohd. Hammran
No. K/P : 01-041475 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Hayati Perjalanan Israk dan Mikraj Rasulullah'. Tarikh Tutup : 8 April 2020
- 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'. Tarikh Tutup : 15 April 2020
- 'Sedekah Pembuka Pintu Rezeki'. Tarikh Tutup : 22 April 2020

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Beberapa isu ibadat sembahyang ketika penularan wabak COVID-19

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PENULARAN wabak COVID-19 yang diisyihar pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kini menjadi kekhawatiran global. Situasi penularan ini mencetus rasa bimbang dan panik di kalangan penduduk dunia termasuk penduduk negara ini. Sungguhpun demikian, sebagai sebuah negara Islam, situasi ini wajar dihadapi dengan cara yang diajarkan dalam Islam antaranya mematuhi arahan, saranan dan nasihat pihak yang berautoriti, iaitu sebagai kewajipan mentaati perintah Ulil Amri. Usaha membendung wabak berbahaya ini perlu dilaksanakan tanpa mengetepikan hukum syariat Islam.

Dalam pada negara giat melaksanakan strategi dan langkah mengawal situasi dengan menyeru orang ramai untuk mengikuti nasihat dan saranan para pakar dan pihak berautoriti, situasi penularan wabak COVID-19 ini ternyata juga mengundang beberapa persoalan dan keraguan, bukan sahaja dari segi kesihatan dan kemasyarakatan umum, bahkan timbul persoalan dan keraguan dari segi hukum dan permasalahan berkaitan isu-isu ibadat yang perlu kepada penjelasan.

Antara persoalan hukum dan permasalahan utama adalah sebagaimana berikut :

1. Hukum Sembahyang Berjemaah ke Masjid dan Keuzuran yang Diharuskan Syarak Meninggalkannya

Menurut pendapat al-Ashah (paling sahih) dalam Mazhab asy-Syafii bahawa hukum mendirikan sembahyang fardu lima waktu secara berjemaah adalah fardu kifayah bagi orang yang menepati segala syarat-syarat, iaitu lelaki, baligh, berakal, merdeka, bermukim, sembahyang yang didirikan itu ialah sembahyang tunai, menutup aurat dan tiada keuzuran berjemaah. Manakala melakukan Sembahyang Fardu Jumaat secara berjemaah adalah fardu ain.

Dalam sebuah hadis daripada Abu ad-Darda' Radillahuanhu, beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tiada tiga orang yang berada di dalam sebuah kampung atau padang pasir yang tidak mendirikan sembahyang (fardu lima waktu secara berjemaah), melainkan mereka akan dikuasai oleh syaitan. Maka hendaklah engkau berjemaah kerana sesungguhnya serigala makan (binatang) yang terasing (dari kumpulannya)".

(Hadis riwayat Abu Daud)

Tiada rukhshah untuk meninggalkan sembahyang berjemaah kecuali disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syarak sama ada keuzuran umum atau keuzuran khusus. Keuzuran-keuzuran tersebut adalah seperti berikut :

I. Keuzuran Umum

Antara keuzuran umum yang diharuskan meninggalkan sembahyang berjemaah ialah; ditimpak hujan yang lebat, sama ada pada waktu siang atau malam atau angin bertiup kencang pada waktu malam yang menyebabkan susah keluar untuk sembahyang berjemaah, sangat berlumpur sehingga menghalang jalan ke masjid, gempa bumi dan ketakutan yang umum terhadap

suatu bahaya yang mendatangkan mudarat pada jiwa dan harta.

Dalil yang mengharuskan untuk meninggalkan sembahyang berjemaah disebabkan keuzuran yang umum seperti yang telah disebutkan di atas ialah berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radillahuanhum, bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memerintahkan Muadzdzin (orang yang melaungkan azan) pada suatu malam yang ditimpak kesejukan dan hujan untuk melaungkan :

Maksudnya : "Sunguh! Sembahyanglah kamu di rumah (masing-masing)".

(Hadis riwayat al-Bukhari)

II. Keuzuran Khusus

Keuzuran khusus pula antaranya :

(i) Sakit yang menghalangi untuk pergi sembahyang berjemaah ke masjid, sama ada jika dia pergi ke masjid akan menambahkan lagi sakit itu atau melambatkan sembahyang. Adapun sakit ringan seperti sakit gigi atau sakit kepala ringan tidaklah dikira sebagai uzur yang mengharuskan tidak sembahyang berjemaah.

Manakala bagi orang yang merawat orang sakit, jumhur ulama sepakat bahwa mereka ini termasuk dalam maksud orang yang sakit dalam keharusan meninggalkan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat. Akan tetapi keharusan itu dengan adanya syarat-syarat tertentu.

Menurut ulama asy-Syafi'iyyah, orang yang merawat orang sakit diharuskan meninggalkan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat jika memenuhi syarat-syarat berikut :

Pertama : Jika ada orang lain yang merawat pesakit dan menjaga keperluannya ketika itu seperti doktor atau jururawat, maka dilihat :

- Sekiranya penjaga itu dari kalangan keluarga terdekat pesakit yang mengawas pesakit menghadapi sakaratul maut atau kehadirannya menghibur dan menenangkan pesakit (yakni ketiadaannya memudaraskan pesakit), maka baginya keuzuran meninggalkan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat dan dia hendaklah ada bersama pesakit.

- Sekiranya sebaliknya (dia dari kalangan keluarga terdekat, tetapi tidak mengawas pesakit atau tidak menenangkan atau menghibur pesakit), maka menjaga pesakit bukan satu keuzuran meninggalkan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat.

- Sekiranya dia ajnabi (orang lain atau bukan dari kalangan keluarga terdekat), maka menjaga pesakit bukan satu keuzuran meninggalkan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat.

Kedua : Jika tiada orang lain yang merawat dan menjaga pesakit dan ditakuti berlaku kecelakaan kepada pesakit sekiranya dia tiada bersama pesakit (sama ada pesakit tersebut merupakan kerabat atau orang lain), maka ini dianggap keuzuran yang mengharuskan meninggalkan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat. Ini kerana menyelamatkan seorang Islam daripada kematian atau kebinasaan dihukumkan sebagai fardu kifayah.

(ii) Takut berlaku mudarat ke atas dirinya atau ke atas harta bendanya. Diriyatkan daripada Ibnu 'Abbas Radillahuanhum, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesiapa yang mendengar suara orang yang menyerukan azan, sedangkan dia tidak mempunyai keuzuran yang menegahnya daripada memenuhi (seruan azan untuk sembahyang berjemaah). Mereka berkata : 'Apakah keuzuran itu?' Baginda bersabda : 'Takut atau sakit'. Maka tidak diterima (secara sempurna) sembahyang yang dilakukannya".

(Hadis riwayat Abu Daud)

Berdasarkan hadis di atas, difahami bahawa, takut dan sakit merupakan keuzuran yang menggugurkan tuntutan wajib mendirikan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat. Maksud takut di sini ialah takut berlaku mudarat pada dirinya atau harta bendanya.

(iii) Al-Habsu (الحبس) atau penahanan. Ini sebagaimana dinukilkhan oleh Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitab Nihayah al-Muhtaj, katanya :

Ertinya : "Dan tidaklah berdosa orang yang ditahan itu meninggalkan Sembahyang Jumaat dan sembahyang berjemaah dan boleh bagi qadhi menegah orang yang ditahan itu daripada mengerjakan keduanya (sembahyang Jumaat dan sembahyang berjemaah) jika dia melihat terdapat maslahat padanya".

2. Hukum Sembahyang Fardu Jumaat dan Keuzuran yang Diharuskan Syarak Meninggalkannya

Mengerjakan Sembahyang Jumaat adalah wajib (fardu ain) ke atas lelaki yang mukalaf, berakal, sihat dan tidak dalam pelayaran. Kewajipan mengerjakannya disebutkan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diseru untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka hendaklah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan Sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu, jika benar kamu mengetahui".

(Surah al-Jumu'ah : 9)

Tuntutan wajib Sembahyang Jumaat itu akan berkekalan melainkan wujud keuzuran yang diiktiraf oleh syarak :

Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab Minhaj ath-Thalibin menyebutkan :

Ertinya : "Dan tiada (sembahyang) Jumaat ke atas orang yang mempunyai keuzuran rukhshah (keringanan) yang diberi pada meninggalkan sembahyang berjemaah".

Maka jelas bahawa keuzuran pada Sembahyang Jumaat adalah sama dengan keuzuran pada meninggalkan sembahyang berjemaah. Antaranya ialah sakit, takut mudarat ke atas diri atau harta benda dan penahanan seperti ditahan dalam penjara dan yang seumpamanya, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

3. Hukum Sembahyang Berjemaah dan Sembahyang Jumaat bagi Orang yang Menjalani Kuarantin atau Pengasingan Diri (Self Isolation) Disebabkan Wabak COVID-19

Berdasarkan maklumat Kementerian Kesihatan, wabak COVID-19 adalah penyakit berjangkit dan perlu dicegah dengan segera sebelum membawa mudarat kepada orang lain. Kerana itu, tindakan diambil ke atas sesiapa yang didapati positif jangkitan wabak COVID-19 dengan dikuarantin sehingga bebas daripada penyakit berkenaan. Jika tidak dikuarantin, maka orang-orang di sekelilingnya akan terdedah dan berkemungkinan akan dijangkiti penyakit tersebut. Manakala kontak-kontak terdekat kepada pesakit yang dijangkiti wabak tersebut juga dikuarantin atau ditahan di tempat khas supaya dapat dipastikan bahawa mereka itu betul-betul bebas daripada penyakit berkenaan melalui hasil ujian makmal yang dijalankan.

Selain itu, terdapat sebilangan orang yang dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (self isolation) sepanjang tempoh tertentu seperti mereka yang baru tiba dari luar negara dan kontak-kontak secondary, iaitu mereka yang terdedah

IRSYAD HUKUM

حکایت مفہوم کاراجان
جواب مخاطب مفتی مکالمہ دینی

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

kepada kontak-kontak terdekat pesakit yang dijangkiti wabak, sehingga adanya pengesahan terhadap hasil Ujian Swab COVID-19 bagi kontak-kontak terdekat. Tindakan selanjutnya adalah tertakluk kepada keputusan hasil Ujian Swab COVID-19 bagi kontak-kontak terdekat tersebut dan mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan.

Semua ini merupakan salah satu langkah pencegahan atau pengawalan wabak berkenaan, supaya tidak berleluasa menjangkiti orang lain atau kepada orang awam.

Maka dihuraikan penjelasan mengenai hukum sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat bagi mereka yang disebut di bawah :

i. Pesakit yang Positif Dijangkiti COVID-19

Antara syarat-syarat wajib mendirikan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat ialah sihat yakni tiada keuzuran seperti sakit.

Diriwayatkan daripada Thariq bin Syiab Radillahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sembahyang Jumaat itu hak yang wajib ke atas setiap orang Islam secara berjemaah kecuali empat: Hamba yang dimiliki atau perempuan atau kanak-kanak atau orang sakit".

(Hadis riwayat Abu Daud)

Dalam hal ini, pesakit lelaki yang dikuarantin kerana positif dijangkiti COVID-19 adalah termasuk dalam kategori orang yang mendapat keuzuran kerana sakit. Oleh itu, mereka tidak diwajibkan untuk mendirikan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat. Selain itu, dia juga termasuk dalam kategori *mabhus* (orang yang ditahan) untuk menjaga mashaiah orang ramai supaya mereka tidak dijangkiti wabak COVID-19.

Keuzuran seperti ini juga ada disebutkan sebagai salah satu keuzuran yang diharuskan meninggalkan sembahyang jemaah dan Sembahyang Jumaat, iaitu bagi orang yang mempunyai penyakit kusta dan sopak. Perkara ini ada dinukilkhan oleh al-Qadhi 'Iyadh Rahimahullah daripada para ulama bahawa, ditegah orang yang berpenyakit kusta dan sopak dari datang ke masjid untuk bersembahyang jemaah, bersembahyang Jumaat dan bercampur dengan orang ramai.

ii. Kontak-kontak bagi Pesakit Positif COVID-19

Memandangkan wabak ini cepat merebak kerana mudah berjangkit dalam kalangan manusia, maka salah satu pencegahan daripada merebak ialah dengan menahan atau mengkuarantin kontak-kontak bagi pesakit yang positif COVID-19 kerana mereka ini berkemungkinan juga dijangkiti wabak berkenaan.

Ujian Allah Subhanahu Wata'ala

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كولان فوسة دعوه اسلاميه

Jika kamu mendengar penyakit taun melanda di suatu kawasan, janganlah masuk ke kawasan tersebut. Dan jika kamu berada di kawasan tersebut, janganlah kamu keluar dari situ.

AGAMA Islam sejak dahulu lagi telah meletakkan beberapa panduan dan peraturan dalam menghadapi situasi penularan penyakit seperti apa yang berlaku pada hari ini. Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Sa'ad berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud seperti di atas.

Hadis di atas jelas membuktikan bahawa Islam telah mendahului zamannya dengan meletakkan perturan dan kaedah pengawalan penyakit berjangkit yang belum pernah difikirkan oleh agama dan bangsa yang lain pada waktu itu. Kita sebagai penduduk negara ini, haruslah mengambil iktibar apa juar yang telah terjadi pada kaum yang

sebelumnya sebagai pengajaran dan iktibar untuk kita hidup berkeluarga, bermasyarakat dan seterusnya bernegara.

Kini kita dan negara telah diuji dengan penyebaran virus COVID-19 yang merupakan ujian Allah Subhanahu Wata'ala untuk menghapuskan dosa-dosa kita. Bersama-sama kita memohon dan bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala di samping melaksanakan amar ma'ruf nahi munkar dalam masyarakat, agar kita bersama keluarga dan negara sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan-Nya juga. Mohon kita dekatkan diri dan keluarga kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan membaca zikir-zikir, doa dan selawat dan bertaubat memohon kemaafan dari-Nya agar dilepaskan kita dari segala bencana dan mala petaka.

Di bawah ini adalah di antara petikan doa, zikir dan selawat yang terdapat dalam hadis :

Imam at-Tirmidzi meriwayatkan daripada Sa'ad bin Abu Waqas Radiallahuanhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Doanya Nabi Dzun Nun (Nabi Yunus) ketika di dalam perut ikan, iaitu :

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ
Maksudnya : "Bahawa tidak ada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah termasuk

orang-orang yang zalim.

Bila seorang Muslim berdoa menggunakan doa ini, maka Allah akan mengabulkan doanya".

Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata : "Telah datang seorang lelaki kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lalu berkata : Wahai Rasulullah, ketika aku sedang tidur, ada seekor kala jengking datang menyengatku. Maka Baginda bersabda: Jika kamu membaca ketika waktu petang (malam) :

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ

Maksudnya : Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah Subhanahu Wa ta'ala cipta.

Nescaya tidak akan berlaku perkara yang memudaratkan kamu.

Imam Ahmad meriwayatkan daripada Uthman bin Affan Radiallahuanhu berkata : "Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sesiapa yang membaca :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ لَا يَضُرُّ بَعْدَ مَا شَاءَ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya, tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudarat di bumi mahupun di langit, Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpak bala yang datang secara tiba-tiba

sehingga subuh. Dan barang siapa yang membacanya ketika subuh sebanyak tiga kali, maka dia tidak akan ditimpak bala yang datang secara tiba-tiba sehingga petang (malam)".

Selawat Asy-Syifa'

Asy-Syifa' erti penyembuh. Selawat ini jika diamalkan secara tetap setiap hari boleh menjadikan badan tetap sihat dan sejahtera, dijauhkan dari segala macam penyakit dengan izin Allah dan diterangkan hatinya. Sebaiknya selawat ini dibaca selepas sembahyang fardu menurut kemampuan seseorang dengan bilangan yang tetap. Bacaannya ialah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طَبِّ القُلُوبَ وَدُوِّلَهَا
وَصَحَّةَ الْأَبْدَانَ وَعَافِيَتَهَا، وَنُورَ الْأَبْصَارَ وَضَبَابَهَا،
وَقُوَّةَ الْأَجْسَادَ وَغَذَائِهَا وَعَلَى الْهُوَّ وَصَحَّيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya : "Ya Allah, limpahkan rahmat kepada Junjungan kami Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi penawar semua hati dan ubatnya, yang menjadi kesihatan semua badan dan kesejahteraannya, yang menjadi cahaya semua hati dan kemilauannya dan yang menjadi kekuatan semua badan dan makanannya. (Dan semoga rahmat melimpah pula) kepada segenap keluarga beliau dan sahabat beliau serta berilah keselamatan".

Beberapa isu ibadat sembahyang ketika penularan wabak COVID-19

Dari muka 10

Ini disebut sebagai الحبس للاحتجاز (penahanan untuk berjaga-jaga) dan tujuan perlaksanaannya adalah untuk memelihara maslahat awam daripada berlaku kerosakan jika tidak dilaksanakan (penahanan untuk berjaga-jaga).

Mashlahat atau *mashlahah* bererti mengambil manfaat atau faedah dan menolak mudarat dengan berlandaskan kepada matlamat syarak. Adapun matlamat syarak itu ada lima perkara, iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta.

Setiap perkara atau tindakan yang mengandungi maksud memelihara lima perkara tersebut adalah *mashlahah* dan setiap perkara yang mengancam perkara-perkara ini adalah kerosakan dan menjauhkannya atau mencegahnya adalah satu *mashlahah*.

Dalam hal ini, tindakan mengkuarantin kontak-kontak bagi pesakit positif COVID-19 adalah termasuk dalam rangka memelihara salah satu matlamat syarak, iaitu memelihara atau menjaga nyawa orang awam, kerana jika mereka ini tidak dikuarantin, maka orang awam yang lain akan terdedah kepada bahaya jangkitan COVID-19 sekiranya mereka

turut dijangkiti wabak ini. Begitu juga dengan tindakan mengarahkan pengasingan diri (*self isolation*) kerana terdapat *mashlahah* pada langkah pengasingan diri iaitu memelihara atau menjaga nyawa orang awam.

Perlu diingat bahawa, bahaya atau kemudharatan mesti dihindarkan sebagaimana yang disebutkan dalam kaedah *fiqhyyah*:

Ertinya : "Kemudharatan itu dihilangkan".

Oleh yang demikian, kontak-kontak bagi pesakit positif COVID-19 yang dikuarantin dan orang-orang yang diarahkan untuk menjalani pengasingan diri (*self isolation*) adalah termasuk dalam kategori mahbus (orang yang ditahan). Mereka tidak diwajibkan sembahyang berjemaah dan Sembahyang Jumaat kerana dilarang untuk bercampur dengan orang awam. Larangan tersebut adalah untuk menjaga mashlahat orang ramai supaya tidak dijangkiti jika sekiranya mereka ini adalah positif dijangkiti COVID-19. Ini sama seperti larangan datang ke masjid dan bercampur dengan orang awam bagi orang yang menghidap kusta dan sopak sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qadhi 'Iyadh Rahimahullah.

4. Mendirikan Sembahyang Zuhur Jika Mempunyai Keuzuran Meninggalkan Sembahyang Jumaat

Wajib ke atas orang yang mempunyai keuzuran meninggalkan Sembahyang Jumaat untuk mendirikan Sembahyang Zuhur empat rakaat.

Ulama menjelaskan bahawa, orang yang mempunyai keuzuran meninggalkan sembahyang Jumaat terbahagi kepada dua, iaitu orang yang keuzurannya tetap atau tidak hilang dan orang yang mengharapkan atau menanti keuzurannya akan hilang.

Penjelasannya seperti berikut :

1) Bagi orang yang tidak hadir menunaikan Sembahyang Jumaat dan keuzurannya tetap atau tidak akan hilang, umpamanya golongan perempuan dan orang sakit yang tidak berupaya, orang yang kena bala atau wabak, wajib ke atasnya mengerjakan Sembahyang Zuhur dan disunatkan menyegerakan Sembahyang Zuhur sebaik sahaja masuk waktunya agar tidak kerugian daripada memperoleh ganjaran fidlat sembahyang pada awal waktu.

2) Orang yang dapat hilang keuzurannya atau mengharapkan keuzurannya akan hilang sebelum habis Sembahyang Jumaat, iaitu sebelum imam memberi salam dalam Sembahyang Jumaat, maka disunatkan dan afdal baginya untuk mengakhirkan atau melambatkan Sembahyang Zuhur sehingga selesai Sembahyang Jumaat didirikan, yakni

sehingga dia berputus harapan untuk mengerjakan Jumaat. Tujuan melambatkan Zuhur itu ialah dengan harapan uzurnya akan hilang dan dia dapat hadir Sembahyang Jumaat.

Sebagai contoh, kontak bagi pesakit positif COVID-19 yang menanti keputusan makmal dan berharap keuzurannya hilang (disahkan negatif COVID-19 dan tidak lagi dikuarantin) sebelum habis Sembahyang Jumaat.

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah bahawa, disunatkan juga untuk dikerjakan Sembahyang Zuhur secara berjemaah sebagaimana disebutkan :

Ertinya : "Dan barang siapa yang tidak wajib mendirikan Sembahyang Jumaat ke atas mereka, disunatkan melakukan sembahyang jemaah pada Sembahyang Zuhur mereka menurut pendapat yang ashah".

Walau bagaimanapun, hukum sunat ini tertakluk jika tidak berjangkit apa yang ditakuti, seperti penyakit yang menimpanya tidak berjangkit kepada para jemaah yang sihat.

Bagi orang yang ada keuzuran untuk meninggalkan Sembahyang Jumaat sebagaimana yang dinyatakan di atas, sekiranya dia mendirikan Sembahyang Jumaat, maka Sembahyang Jumaatnya itu sudah memadai dan dia tidak perlu lagi untuk bersembahyang Zuhur.

Platform tambahan E-Pameran diperkenal

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
MUSEUMS DEPARTMENT
Membawa anda lebih dekat dengan Warisan Brunei
Bringing you closer to Brunei Heritage

Home | Muzeum Kami | Contact | info@museum.gov.bn | +673 2381672
[jabatanmuziummuzeumbrunei](#) | [Jabatan Muzeum-Muzeum Brunei](#)


JABATAN MUZIUM-MUZIUM
E-Pameran
Museums Department E-Exhibitions

Visi Kami

Melindungi dan memelihara warisan tamadun negara bagi menggalakkan pendidikan serta bagi merangsang minat, cinta dan menghargai warisan tamadun negara.

MAKLUMAN!
Mulai 18 Mac 2020. Semua muzeum, galeri dan taman di bawah Jabatan Muzeum-Muzeum di tutup hingga setarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

McAfee SECURE



E-PAMERAN juga boleh diakses melalui telefon bimbit awda.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

E-PAMERAN dapat diakses secara dalam talian (*online*) oleh sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada internet di seluruh dunia dan melalui Kod QR yang boleh diperoleh melalui laman sesawang www.museums.gov.bn.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Langkah berjaga-jaga semakin dipertingkat dalam memastikan penularan COVID-19 adalah terkawal, agar ia tidak merebak kepada orang ramai.

Penutupan sementara tempat-tempat tarikan dan pelancongan, seperti muzeum-muzeum, galeri-galeri pameran dan taman-taman

merupakan salah satu langkah berhati-hati yang diterapkan, selain sebagai usaha menyokong arahan Kementerian Kesihatan untuk tidak membenarkan buat sementara waktu dan mengelakkan perkumpulan ramai, di samping orang ramai mengamalkan *social distancing measures*.

Sehubungan itu, untuk memberikan akses kepada orang ramai akan pameran-pameran

yang ada di muzeum-muzeum, galeri-galeri pameran dan taman-taman di bawah kawalan pentadbiran Jabatan Muzeum-Muzeum, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memperkenalkan satu platform tambahan, iaitu E-Pameran sebagai laman sesawang dan media sosial jabatan berkenaan.

E-Pameran dapat diakses secara

dalam talian (*online*) oleh sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada internet di seluruh dunia dan melalui Kod QR yang boleh diperoleh melalui laman sesawang www.museums.gov.bn.

Pada masa ini, E-Pameran memperkenalkan mengenai muzeum-muzeum, galeri dan taman-taman juga menampilkan bahan-bahan menarik di muzeum-muzeum berkenaan, disampaikan dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa

Inggeris.

Sejak E-Pameran diperkenalkan, seramai 486 pelawat melayari laman sesawang tersebut, iaitu 479 pelawat tempatan dan tujuh pelawat luar negara, termasuk dua dari China, seorang dari Malaysia, dua dari Jerman, seorang dari Mesir dan seorang dari Kanada.

Orang ramai boleh memberikan cadangan ke info@muzium.gov.bn untuk menambah nilai kandungan E-Pameran tersebut.

Tip KESIHATAN
MENGATASI STRES SELEPAS BENCANA ALAM

TERDAPAT BEBERAPA CARA YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH SETIAP INDIVIDU UNTUK MEMBANTU DIRINYA SUPAYA BERDAYA TAHAN DAN BERTINDAK DALAM MENGHADAPI STRES SELEPAS BENCANA ALAM.

1. Mendapatkan maklumat yang diperlukan.
2. Meyakinkan diri bahawa perasaan yang dialami (contoh: sedih, marah dan resah) merupakan sifat yang biasa dialami untuk satu jangka waktu yang tertentu.
3. Mengingatkan diri sendiri bahawa bencana alam telah tamat dan keadaan sudah selamat.
4. Bercakap atau berinteraksi dengan orang lain untuk mendapatkan sokongan.
5. Cuba untuk makan walaupun tidak berselera.
6. Mengamalkan pemakanan yang sihat.
7. Berehat dengan secukupnya.
8. Amalkan teknik 'Relaksasi'.
9. Melakukan aktiviti fizikal yang ringan dan mengikut kemampuan.
10. Menyertai aktiviti kumpulan sokongan.
11. Mendapatkan bantuan kaunseling.
12. Memberikan tumpuan atau fokus kepada apa yang boleh dilakukan dalam menghadapi keadaan bencana alam.
13. Menggunakan kemahiran daya tindak yang berjaya digunakan pada masa lalu.

Sekiranya tanda-tanda atau gejala stres yang dialami berterusan (melebihi dua bulan), dapatkan bantuan profesional. Perlu diingat bahawa kebanyakan mangsa kebiasaannya akan pulih selepas intervensi awal tanpa memerlukan kaunseling lanjutan.

Matlamat utama ialah untuk membantu individu dalam menggunakan kekuatan dalam (internal resilience) dalam menangani krisis yang mereka hadapi.



IBU bapa disarankan agar sama-sama berganding bahu untuk memantau pembelajaran anak-anak mereka, khusus yang masih belajar di peringkat rendah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Minggu ini sudah masuk minggu kedua sistem pembelajaran secara dalam talian digunakan memandangkan wabak COVID-19 di negara ini masih dalam proses pembendungan.

Sehubungan itu, Pelita Brunei

menemu bual beberapa orang guru yang mempraktikkan pembelajaran secara dalam talian tersebut dengan menggunakan aplikasi terpilih dan teknik masing-masing.

Bagi Awang Mohammad Zool Fadli bin Haji Mahbub, Guru di Sekolah Rendah Sultan Hashim

Batu Apoi, Temburong, beliau melahirkan rasa syukur kerana sebagai seorang pendidik dan selaku Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beliau sentiasa bersedia menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan tugas yang diberikan, termasuklah membuat pembelajaran dari rumah (*home learning*).

"Memang pada awalnya beliau menghadapi kesukaran kerana tidak semua muridnya mempunyai akses internet, tetapi alhamdulillah ia dapat diusahakan oleh ibu bapa dan penjaga murid dan memastikan anak-anak mereka dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian (*online*)," katanya.

Menurutnya, pembelajaran secara dalam talian juga memberikan peluang kepada ibu bapa untuk lebih meluangkan masa bersama anak-anak mereka dan dapat menjadi guru secara tidak langsung, selain mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara ibu bapa dan guru.

Daripada perspektif lain pula katanya, ibu bapa akan lebih bertanggungjawab bagi memastikan kerja rumah dan pembelajaran dari rumah lebih efektif untuk masa depan anak-anak mereka.

Menyentuh mengenai kaedah pembelajaran, beliau menjelaskan tidak dapat dinafikan bahawa terdapat halangan tertentu, misalnya tidak semua ibu bapa murid mempunyai kemudahan internet atau memiliki *gadgets*, seperti *laptop* dan sebagainya.

"Oleh itu, 'Home Learning Pack - HLP' turut memberikan kesan positif di dalam pembelajaran

anak-anak kerana ibu bapa akan dapat memeriksa sendiri jawapan anak-anak mereka. Sekiranya mereka mempunyai masalah untuk mencari jawapannya, ibu bapa boleh bertanya secara langsung kepada guru dengan menggunakan aplikasi WhatsApp," terangnya.

Bagi Guru Kanan Akademik Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Dayang Hajah Masrizawati yang mengajar mata pelajaran Geografi, menyarankan ibu bapa untuk memberikan sokongan padu dan bekerjasama dalam membantu anak-anak mereka.

Selain itu, katanya, ibu bapa perlu menyediakan keperluan pembelajaran anak-anak mengikut kemampuan masing-masing, sekali gus meningkatkan semangat positif (*positive growth mindset*) dalam kalangan ahli-ahli keluarga.

"Berkomunikasi bersama guru-guru apabila perlu juga penting dalam melaksanakan dan menyelesaikan sebarang masalah dalam pembelajaran anak-anak," jelasnya.

Beliau turut menyentuh mengenai kaedah pembelajaran HLP majoritinya sampai kepada semua pelajar dan mereka dapat membuat tugas dalam jangka masa yang ditetapkan.

"Mereka juga boleh menjawab mengikut kelapangan dan kesesuaian masa, selain merujuk nota-nota atau bahan sumber lain.

"Pembelajaran dalam talian pula hanya dapat diikuti oleh sebilangan pelajar sahaja yang mempunyai akses internet kerana internet memerlukan data *top-up*

dan sebilangan pelajar belum mahir untuk menggunakan aplikasi, seperti Zoom Meeting dan Google Classroom," tambahnya lagi.

Sementara itu, Ampuan Norerni binti Ampuan Babba pula merupakan seorang guru di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkil Hayatul Bolqiah, Kampung Serusop tidak menyangka perasaan berbaur keliru dan susah hati bermain difikirannya sehingga menjadi tanda tanya adakah pembelajaran secara dalam talian dan dari rumah ini akan berjaya.

"Saya mula mempersiapkan peralatan peranti elektronik dan memuat turun aplikasi berkaitan yang diperlukan dalam pembelajaran. Harapan saya sebagai seorang guru, murid-murid ini dapat meneruskan sesi pembelajaran, walau di mana sahaja mereka berada. Dengan kemudahan teknologi terkini, murid-murid dapat berhubung terus dari semasa ke semasa dengan guru masing-masing jika ada keperluan," katanya.

Beliau juga menyarankan kepada ibu bapa agar sama-sama berganding bahu untuk memantau pembelajaran anak-anak mereka, khusus yang masih belajar di peringkat rendah.

Pemantauan terhadap tugas yang diberikan adalah penting dan perlunya memastikan anak-anak tidak menyalahgunakan penggunaan internet.

Sekiranya ibu bapa memainkan peranan yang betul, sudah pasti semua perkara akan menjadi mudah dan terkawal.

PPDB terima sumbangan sarung tangan



SUMBANGAN diserahkan oleh Purchasing and Administration, Dayang Norazlena Natasya @ Elena Maria Abdullah Hong mewakili pihak Petroleum Synergy Enterprise yang diterima oleh Pengarah Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan PPDB, Awang Mohammad Zulhelmi bin Haji Omar Ali.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menerima sumbangan derma berupa lima kotak sarung tangan (*gloves*) daripada Petroleum Synergy Enterprise yang disampaikan di Ibu Pejabat PPDB.

Sumbangan tersebut adalah keperluan yang disalurkan bagi kegunaan Pegawai dan Anggota barisan hadapan PPDB dalam menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

PPDB ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada pihak Petroleum Synergy Enterprise atas sumbangan ikhlas bagi sama-sama membantu dalam penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Pembelajaran dalam talian dapat sambutan positif

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Batu Apoi, Temburong, beliau melahirkan rasa syukur kerana sebagai seorang pendidik dan selaku Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beliau sentiasa bersedia menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan tugas yang diberikan, termasuklah membuat pembelajaran dari rumah (*home learning*).

"Memang pada awalnya beliau menghadapi kesukaran kerana tidak semua muridnya mempunyai akses internet, tetapi alhamdulillah ia dapat diusahakan oleh ibu bapa dan penjaga murid dan memastikan anak-anak mereka dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian (*online*)," katanya.

Menurutnya, pembelajaran secara dalam talian juga memberikan peluang kepada ibu bapa untuk lebih meluangkan masa bersama anak-anak mereka dan dapat menjadi guru secara tidak langsung, selain mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara ibu bapa dan guru.

Daripada perspektif lain pula katanya, ibu bapa akan lebih bertanggungjawab bagi memastikan kerja rumah dan pembelajaran dari rumah lebih efektif untuk masa depan anak-anak mereka.

Menyentuh mengenai kaedah pembelajaran, beliau menjelaskan tidak dapat dinafikan bahawa terdapat halangan tertentu, misalnya tidak semua ibu bapa murid mempunyai kemudahan internet atau memiliki *gadgets*, seperti *laptop* dan sebagainya.

"Oleh itu, 'Home Learning Pack - HLP' turut memberikan kesan positif di dalam pembelajaran

JHEM terima sumbangan hand sanitizer



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid (kanan) menerima sumbangan daripada Bobby Electrical Co. Sdn. Bhd. dan One Station Supermarket yang diserahkan oleh Pengarah Syarikat Bobby Electrical Co. Sdn. Bhd., Philip Chieng.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

Awang Haji Mohammad Ammerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid.

Sumbangan derma tersebut, masing-masing diterima oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Turut hadir menyaksikan penyerahan sumbangan tersebut, pegawai dan kakitangan dari JHEM.

Semoga dengan adanya usaha seumpama ini dan kerjasama daripada semua pihak, wabak COVID-19 ini akan dapat kita tangani dengan segera dan berdoa semoga Allah mengurniakan kesembuhan kepada pesakit-pesakit dan melindungi kita semua, sekali gus terhapus wabak dahsyat tersebut dari bumi ini.



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
PERATURAN 7(a)**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN
YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH IKLAN : 8 APRIL 2020. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 APRIL 2020. BILANGAN IKLAN : 25 / 04 / 20 (SPA / BIKL)

**PERATURAN 7 (a) - LUAR BIDANG KUASA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

Syarat-Syarat Am :

- a) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- d) Bagi pemohon yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- e) Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**IMAM TINGKAT IV
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
D.4-5 EB.6 (BND1,225.00 - BND1,785.00 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM :

1.a) Diploma atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam / Al-Quran / Bahasa Arab / Syariah / Usuluddin atau dalam bidang bersesuaian dan lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSRU).

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Bilal Tingkat I atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Bilal Tingkat II atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSRU).

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSRU).
- 2. Pandai membaca dan menulis Jawi dengan baik.
- 3. Mahir membaca Al-Quran secara bertajwid dan bertartil.
- 4. Mengetahui urusan penyempurnaan jenazah.
- 5. Boleh membaca Tahlil Arwah dan Doa Tahlil.
- 6. Boleh membaca doa-doa pilihan seperti Doa



KEMENTERIAN KESIHATAN



**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN TAWARAN :
KK / 318 / 2019 / 2020 / JPK(TC)

KETERANGAN :
THE MANAGEMENT AND OPERATION OF PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH MUTAWAKKILAH HAYATUL BOLKIAH HEALTH CENTRE CAFETERIA, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 320 / 2019 / 2020 / UPP

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF INSTRUMENTS AND IMPLANTS OF PROXIMAL FEMORAL 5.0 / 7.3 MM LOCKING PLATE FOR ORTHOPAEDIC DEPARTMENT, RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 321 / 2019 / 2020 / JPK(TC)

KETERANGAN :
THE MANAGEMENT AND OPERATION OF BERAKAS HEALTH CENTRE CAFETERIA, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 322 / 2019 / 2020 / JPR(TC)

KETERANGAN :
TRANSPORT SERVICES FOR DEPARTMENT OF RENAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS

YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
KK / 333 / 2019 / 2020 / LAB(TC)

NOTA :
Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Iklan :
8 APRIL 2020

Tarikh Tutup :
22 APRIL 2020

Tempat menghantar Borang Permohonan :
**SEKSYEN PENGAMBILAN
DAN KEANGGOTAAN
TINGKAT 3
BANGUNAN KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA
JALAN DEWAN MAJLIS, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Peliharakan Sultan.

7. Mengetahui hukum-hukum Taharah, Sembahyang, Zakat dan Puasa.

8. Mengetahui hukum-hukum mengenai bab Munakahat.

9. Hafaz surah-surah pilihan berikut :

- Surah Al-Shams
- Surah Al-Aala
- Surah Al-Ghasiyah
- Surah-Surah Lazim (Surah An-Nas hingga Surah Ad-Dhuha).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Menjadi Imam / Khatib di masjid tempatnya bertugas.

2. Membantu Ketua menyusun program takmir masjid.

PEMBERITAHUAN :

1. Penggunaan Borang SPA/1
a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.

b. Borang SPA/1 boleh didapat di laman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik 'Muat Turun' kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

c. Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.

d. Pemohon hendaklah menyertakan satu keping gambar terkini berukuran pasport.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).

3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan**.

3. Memeduli suka duka jemaah / masyarakat di mukim masjid tempatnya bertugas seperti menyempurnakan jenazah, akad nikah dan lain-lain.

4. Melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkan seerti mana terkandung dalam Buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996.

5. Menerima arahan daripada Pengarah Hal Ehwal Masjid dari semasa ke semasa.



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BIL. SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / 02 / 2020 - 2021

KETERANGAN :
Membekal dan Menghantar Peralatan Meja Berlipat Bagi Dewan Peperiksaan Sekolah-Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1441H / 2020M - 2021M

BAYARAN YURAN TAWARAN :
Tidak dikenakan sebarang bayaran

TARIKH TUTUP :
Rabu, 21 Syaaban 1441H /
15 April 2020M
tidak lewat jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM KELAS : V & VI SAHAJA
KATEGORI : [KA01]

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
21 APRIL 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRC 26 / 2019

NAMA PROJEK :
CADANGAN MEMBAIK PULIH
JALAN TUTONG

YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
III, IV & V SAHAJA
KATEGORI : M01 SAHAJA

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
5 MEI 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DME / 08 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
TERM CONTRACT FOR
REPLACEMENT OF DEFECTIVE
UNIT TYPE AIR CONDITIONING
IN VARIOUS GOVERNMENT
BUILDING FOR 2 (TWO) YEARS


KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR

Tarikh tutup :
15 April 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :
KHEDN / PPA / MKAQ / 01 (2020)

Tajuk Projek :
MEMBEKAL KAIN DAN SINJANG
PESERTA LELAKI BAGI MAJLIS
KHATAM AL-QURAN 74 KALI
KHATAM AHLI-AHLI MAJLIS
PERUNDINGAN MUKIM DAN
KAMPUNG, PENUNTUT-
PENUNTUT SEKOLAH DAN
INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI SELURUH NEGARA
SEMPENA SAMBUTAN
PERAYAAN ULANG TAHUN HARI

KEPUTERAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran

Bil. Tawaran :
KHEDN / PPA / MKAQ / 02 (2020)

Tajuk Projek :
MEMBEKAL KAIN DAN TUDUNG
PESERTA PEREMPUAN BAGI
MAJLIS KHATAM AL-QURAN
74 KALI KHATAM AHLI-AHLI
MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM
DAN KAMPUNG, PENUNTUT-
PENUNTUT SEKOLAH DAN
INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI SELURUH NEGARA


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : II & III
KATEGORI :
KA01, M03 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
5 MEI 2020
(SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 002 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTREK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN SISTEM
PENGEPAM AIR DAN
PEMELIHARAAN TANGKI
AIR BANGUNAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
COMMONWEALTH DRIVE
SELAMA 36 BULAN

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -



BEDB
BRUNEI DARUSSALAM

لماک کماجوان ایکونومی بروئی
THE BRUNEI ECONOMIC DEVELOPMENT BOARD

Invitation for Expression of Interest to Invest, Build and Operate a Marine Maintenance Yard [Reference: EOI 20 01-01]; and/or to Invest, Build and Operate a Decommissioning Yard [Reference: EOI 20 01-02] in Brunei Darussalam

The Brunei Economic Development Board ("BEDB"), in collaboration with relevant government agencies, intends to facilitate the establishment of a Marine Maintenance Yard and a Decommissioning Yard in the country, with the objective to further develop the maritime industry and enhance In-Country Value. In this context, the BEDB invites interested parties to submit their Expression of Interest ("EOI") to Invest, Build and Operate a Marine Maintenance Yard and/or to Invest, Build and Operate a Decommissioning Yard in Brunei Darussalam.

Who should register?

Interested parties may be an individual company, consortium or joint venture with relevant experience in undertaking similar projects. Examples may include but not limited to experience in ship repair, shipbuilding, shipping, marine park operations, decommissioning, industrial waste management, offshore fabrication, etc.

How to register?

Interested parties wishing to register for this EOI should send an email to EOI@bedb.com.bn with one (1) of the following subject headings accordingly:

- "Expression of Interest: Marine Maintenance Yard in Brunei Darussalam [EOI 20 01-01]" for those interested in only the Marine Maintenance Yard;
- "Expression of Interest: Decommissioning Yard in Brunei Darussalam [EOI 20 01-02]" for those interested in only the Decommissioning Yard; or
- "Expression of Interest: Marine Maintenance Yard [EOI 20 01-01] and Decommissioning Yard in Brunei Darussalam [EOI 20 01-02]" for those interested in both yards.

Interested parties should also include a company profile, relevant business experience and key contact details within the abovementioned e-mail.

Information provided for registration should satisfactorily demonstrate the required experience, upon which successful registered parties will then be provided with the EOI package.

The release of the EOI package is subject to the execution and submission of a standard form non-disclosure agreement that will be sent to each registered party.

Completed EOIs should be submitted to the EOI Secretariat at the correspondence address set out below no later than **3pm local time on 01 May 2020**.

EOI Secretariat

The Brunei Economic Development Board
Level 4, Tower Block
Ministry of Finance and Economy
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Further information may be obtained via:

Telephone: +673 223 0111
Email: EOI@bedb.com.bn
Website: www.bedb.com.bn



IKLAN



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 412 / 2016

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetisyen

**MUHAMAD AELMI FIRDAUS
BIN ABAS ALI
(BYIC No. 00-301023)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Februari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **4 Mei 2020, jam 10.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Mei 2020, jam 10.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 11 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 134 / 2018

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**

- Pemutang / Pemetisyen

**PG. MOHD. AZDI
BIN PG. HJ. METUSIN
(BYIC No. 00-267904)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **7 Mei 2020, jam 9.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **7 Mei 2020, jam 9.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 7 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 421 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetisyen

**HJH. BIBI AIDI FAEZAH
BINTI HJ. JUNAIDI
(BYIC IC No. 00-312271)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **7 Mei 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **7 Mei 2020, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 7 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 429 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD

- Pemutang / Pemetisyen

**MAZALANY BIN TASSIM
(BYIC No. 00-290413)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 14 Disember 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **9 April 2020, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **9 April 2020, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2020

**DK. SITI NURSU'AIDAH
BINTI PG. JUFRIZAR @ PG. TAJUDDIN**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 116 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**

- Pemutang / Pemetisyen

**FAEADAH NUR HUDA
BINTI HAJI MATZIN
(BYIC No. 00-280080)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan

pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **4 Mei 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Mei 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 4 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 422 / 2017

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**

- Pemutang / Pemetisyen

**DK. NOR ADIMAH
BINTI PG. MAT DAUD
(BYIC No. 00-252782)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **13 Mei 2020, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **13 Mei 2020, jam 9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 9 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 354 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetisyen

**SRI ROHAYA BINTI HAJI JOHARI
(BYIC No. 00-270371)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 9 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **7 Mei 2020, jam 9.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **jam 18 Mei 2020, jam 9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 12 Mac 2020

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **7 Mei 2020, jam 9.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 11 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 148 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**

- Pemutang / Pemetisyen

**MUHAMMAD ALLI NOOR
BIN HAJI AHMAD
(BYIC No. 00-274641)**

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Oktober 2019.


Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **19 Mei 2020, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **19 Mei 2020, jam 9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-se



PERANAN ABISKITA SEBAGAI PENDERMA YOUR ROLES AS DONORS

Dalam sama-sama mencegah jangkitan COVID-19 semasa pendermaan darah, para penderma juga memainkan peranan.

In preventing the spread of COVID-19 while donation, donors too have roles to play.



Sila dapatkan slot perjanjian pendermaan terlebih dahulu dengan menghubungi Pusat Pendermaan Darah

Blood donation is currently on appointment basis. Please make a call to our centre for an appointment

Sila isikan borang secara atas talian dengan menggunakan aplikasi 'Blood Kad' pada hari perjanjian sebelum datang ke pusat

Please fill in donation form using mobile application 'Blood Kad' before coming to the appointment on the day itself



Tidak digalakkan untuk membawa pendamping yang tidak menderma untuk berkunjung seperti kanak-kanak dan orang tua

It is not advisable to bring in accompany who is not donating such as children or elderly

Sila periksa suhu badan di stesen 'triage' berdekatan sebelum datang ke pusat

Please ensure to have your body temperature checked at the nearest triage before coming in to the centre



Gunakan 'hand sanitizer' setelah masuk ke pusat pendermaan

Please ensure to use hand sanitizer upon your arrival at the centre

Mengambil langkah 'social distancing' dan bertolak-ansur sesama para penderma yang menunggu

Practice social distancing and be considerate to other waiting donors



Sentiasa jujur tentang tahap kesihatan dan juga sejarah perjalanan ketika tapisan perubatan dijalankan oleh pegawai perubatan

Please be honest about your conditions and travel history during medical screening



Cetakan kali kedua 15 ribu naskhah buku zikir, doa sedang dilaksana



KETUA Bahagian Idarah di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kolaborasi Jabatan Percetakan Kerajaan sedang mengusahakan pencetakan Buku-buku Zikir dan Doa Memohon kepada Allah Supaya Terselamat daripada Bala dan Segala Jenis Penyakit bagi

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Awang Haji Asminan Awang Haji Chuchu

kali kedua.

Ketua Bahagian Idarah di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu menyatakan cetakan kali kedua itu nanti akan mencetak sejumlah 15 ribu naskhah dalam sedikit masa sahaja lagi.

Ketika ditemu bual, Awang Haji Asminan menerangkan, cetakan pertama buku tersebut sebelum ini adalah sebanyak 15 ribu naskhah yang merupakan sumbangan Jabatan Percetakan Kerajaan dan pengagihannya dilaksanakan ke semua daerah baru-baru ini.

Jelasnya, isi kandungan buku berkenaan adalah dimulakan dengan bacaan Istighfar, Sayyidul Istighfar dan pembukaan Surah Al-Fatiyah. Kemudian diikuti dengan himpunan zikir-zikir yang warid dan Doa Memohon kepada Allah Supaya Terselamat daripada Segala Jenis Penyakit juga turut mengandungi Doa Pendinding dan Doa Memohon Kesembuhan.

Buku tersebut, tambahnya lagi, juga menyediakan panduan solat sunat taubat, bertujuan untuk kitani menginsafi kesalahan yang kita

lakukan, sama ada sedar atau pun sebaliknya.

Penerbitan buku ini diharap akan menjadi panduan kepada setiap penduduk Islam di negara ini untuk mengamalkan zikir dan doa juga membaca secara berjemaah di rumah bersama keluarga masing-masing, khasnya di sepanjang penutupan sementara masjid, surau dan balai ibadah di seluruh negara.

Selain itu, penerbitan buku ini merupakan usaha berbentuk rohaniah dalam kitani sama-sama menangani penyebaran dan penularan Wabak COVID-19.

"Hendaklah kita yakin bahawa doa itu adalah senjata kitani sebagai orang Islam sebagaimana hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Doa itu senjata orang Mukmin," katanya lagi.

SEJUMLAH 15 ribu naskhah dicetak bagi kali kedua, di mana penerbitan buku ini merupakan usaha berbentuk rohaniah dalam sama-sama menangani penyebaran dan penularan Wabak COVID-19.



Pemindahan sementara Klinik Pergigian, Pusat Kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Berikut dengan penularan situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Pergigian memaklumkan mengenai pemindahan sementara dan perubahan beberapa lokasi Klinik Pergigian yang dibuat seperti rajah di bawah.

Dalam pada itu, sebagai

sebahagian daripada usaha dalam mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan untuk melindungi kakitangan kesihatan dan pesakit-pesakit yang berkunjung juga menerima rawatan perkhidmatan pergigian, Jabatan Perkhidmatan Pergigian, dengan ini memaklumkan bahawa semua rawatan pergigian rutin (bukan kecemasan) dan perjanjian adalah ditangguhan

sehingga ke satu tarikh yang akan diumumkan kemudian, di seluruh lokasi perkhidmatan secara keseluruhannya.

Dimaklumkan bahawa pada masa ini, hanya rawatan-rawatan pergigian kecemasan yang tidak melibatkan aerosol sahaja yang dikendalikan dan ini tertakluk kepada saringan pemeriksaan di kaunter-kaunter yang disediakan di lokasi-lokasi berkenaan.

Jabatan Perkhidmatan Pergigian ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Lokasi klinik pergigian	Bertukar ke klinik pergigian	Hari Beroperasi	Waktu Beroperasi	Mulai
Hospital PMMPMHAMB, Tutong	Pusat Kesihatan Lamunin			11 Mac 2020
Seria Poliklinik	Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait			12 Mac 2020
Klinik Kesihatan Labi	Pusat Klinik Sg Liang	Isnin - Khamis, Sabtu (kecuali kelepasan awam)	7.45 pagi - 12.15 tengah hari /1.30 - 4.30 petang	12 Mac 2020
Pusat Kesihatan Berakas	Pusat Pergigian Negara			16 Mac 2020
Pusat Kesihatan Pengkalan Batu	Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam			16 Mac 2020

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

!

Penutup mulut dan hidung secara amnya tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda

demam

batuk

selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung **yang betul**.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuat penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

Premis restoran patuhi amalan penjarakan sosial



MELETAKKAN penanda garisan berwarna kuning hitam dalam jarak satu meter di permukaan lantai di kawasan laluan ke kaunter pesanan dan bayaran.

BERAKAS, Isnin, 6 April. - Beberapa premis restoran di negara ini meletakkan penanda di lantai untuk mengingatkan

para pelanggan mengenai jarak yang harus dipatuhi dalam usaha untuk menggalakkan penjarakan sosial.

Penolong Pengurus Restoran KFC Delima Satu, Serusop, Awang Fareed Azwan bin Ahmad Nizar berkata, restoran berkenaan meletakkan penanda garisan berwarna kuning hitam dalam jarak satu meter di permukaan lantai di kawasan laluan ke kaunter pesanan dan bayaran.

"Kami juga menggunakan *tray* untuk membolehkan pelanggan meletakkan wang atau kad-kad debit atau kredit mereka bagi mengelakkan kontak secara langsung di antara juruwang dan pelanggan semasa transaksi pembayaran dijalankan," katanya kepada Pelita Brunei.

Beliau menambah, restoran tersebut mengambil langkah keselamatan tambahan dengan menjarakkan tempat duduk para pelanggan yang menunggu pesanan mereka di dalam premis berkenaan.

"Bagaimanapun, jika jumlah pelanggan yang menunggu terlalu ramai, maka kami terpaksa meminta beberapa orang pelanggan untuk menunggu di luar," katanya.

Dalam pada itu katanya, *hand sanitizer* turut disediakan dan diletakkan berhampiran pintu masuk dan kaunter sebagai langkah kebersihan tambahan bagi kegunaan para pelanggan.

Menurut beliau, langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19 ini turut

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

dilaksanakan di kesemua cawangan Restoran KFC di negara ini.

Premis-premis makanan, termasuk restoran, kedai makan dan minum, kafe, *food court*, gerai makan dan seumpamanya tidak dibenarkan untuk menyajikan makanan secara *dine-in* bermula 19 Mac lalu hingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian, iaitu bagi memastikan penjarakan sosial dipatuhi dan *mass gathering*

dielakkan, di samping sama-sama mendukung usaha kerajaan mencegah penularan wabak di negara ini.

Bagaimanapun, premis-premis berkenaan masih boleh beroperasi seperti biasa, tetapi hanya dibenarkan untuk menyediakan makanan untuk dibawa pulang (*takeaway*) sahaja. Kegagalan untuk mematuhi boleh dikenakan dakwaan di bawah Perintah Akta Penyakit Berjangkit Pindaan 2020.

SMS palsu top-up kredit telefon bimbit

Siaran Akhbar : Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI) ingin menasihatkan pelanggan untuk berwaspada dengan pesanan teks ringkas yang menawarkan *top-up* kredit untuk perkhidmatan telefon bimbit. Pelanggan perlu membeli *top-up* kredit daripada saluran rasmi penyedia perkhidmatan telekomunikasi sahaja.

Pelanggan dinasihat untuk memaklumkan penyedia perkhidmatan telekomunikasi jika sekiranya mereka menerima sebarang perkhidmatan teks ringkas (SMS) yang mencurigakan.

Dengan memberikan butiran yang diterima melalui SMS tersebut kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan dapat membantu dalam menangani keadaan, sentiasa berhati-hati apabila menerima SMS daripada nombor tempatan atau antarabangsa yang tidak dikenali, tidak sekali-kali menekan klik pada pautan dalam pesanan yang mencurigakan dan untuk terus MENYEKAT dan MEMADAM nombor yang tidak diketahui dengan segera, tidak sekali-kali memberi maklumat peribadi melalui telefon.

Jika awda memberikan butiran peribadi melalui SMS yang berkemungkinan satu penipuan, sila hubungi Pasukan Polis Diraja Brunei untuk membuat laporan rasmi.

Operasi Feri Penumpang masih ditangguhkan

Siaran Akhbar : Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam


BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 April. - Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini Operasi Feri Penumpang bagi perjalanan Brunei Darussalam ke Wilayah Persekutuan Labuan dan dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Brunei Darussalam semasa penularan wabak COVID-19 ini, adalah masih lagi ditangguhkan.

Walau bagaimanapun, Perkhidmatan Feri Kenderaan masih dijalankan, di mana perkhidmatannya dikurangkan menjadi lima kali seminggu sahaja, iaitu pada setiap Isnin hingga Jumaat, seperti berikut :

Bagi perjalanan dari Negara Brunei Darussalam ke Wilayah Persekutuan Labuan, iaitu setiap Selasa dan Khamis, Kapal MV Shuttle Hope, jam bertolak pada 9.30 pagi dan tiba pada jam 6.00 petang, dan nombor talian +673 2771771.

Manakala bagi perjalanan Wilayah Persekutuan Labuan ke Negara Brunei Darussalam, iaitu setiap Isnin, Rabu dan Jumaat, Kapal MV Goodwill Star, jam tiba pada 11.30 pagi dan bertolak pada jam 12.30 tengah hari, dan nombor talian +673 8881335.

Dalam hal ini, orang ramai dan peniaga-peniaga yang berhasrat untuk membuat pelayaran / penghantaran barang-barang keperluan asasi atau kenderaan komersial, hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada agensi-agensi berkenaan dan dinasihatkan untuk membuat tempahan awal sekurang-kurangnya sehari sebelum memulakan pelayaran dengan menghubungi nombor-nombor yang dinyatakan di atas.



HASIL pemeriksaan yang dijalankan, pihak Polis turut menemukan barang tegahan.



Apa Pendapat Biskita? Impak e-Learning kepada para pelajar

E-LEARNING adalah salah satu kaedah alternatif yang popular dalam proses pembelajaran pada hari ini. Ia merupakan sistem pendidikan yang membantu pelajar dengan menggunakan medium internet dan intranet dengan komputer. Dengan ini, pelajar dapat belajar sesuatu dengan menggunakan internet. Namun begitu, kaedah ini mempunyai kebaikan dan keburukan yang tersendiri.

Apakah kebaikan dan keburukan yang diperoleh dari e-Learning tersebut? Apa Pendapat Biskita kali ini cuba mendapatkan pandangan daripada beberapa orang ramai mengenai e-Learning tersebut.

"Kebaikan menggunakan e-Learning adalah memudahkan pengajar atau pensyarah memuat naik nota-nota, latihan dan urusan berkaitan kuliah mereka. Ia juga dapat menjimatkan masa pensyarah kerana mereka dapat membuat pengumuman dan berita-berita terkini dengan cepat dan mudah. Selain itu, ia juga secara tidak langsung memberi pendedahan kepada pelajar tentang ilmu teknologi dan siber seterusnya memperkembangkan lagi tahap intelektual pelajar. Di samping itu, ia juga dapat menjimatkan kos kewangan kerana pensyarah mahupun pelajar tidak perlu membuat *print out* nota-nota mereka.

Keburukan menggunakan e-Learning pula adalah mewujudkan kurangnya komunikasi antara pensyarah dan pelajar kerana kedua-dua pihak jarang berjumpa. Ini seterusnya menyukarkan pelajar untuk berkongsi atau bercerita masalah dengan pensyarah mereka berkaitan aspek pembelajaran. Keburukan yang lain adalah risiko berlakunya unsur plagiat, pelanggaran hak cipta atau dengan kata lain mengambil hak penulisan orang lain tanpa kebenaran. Selain itu, ia juga menyukarkan pelajar terutamanya golongan miskin yang tidak mampu mendapatkan perkhidmatan *internet*. Ini menyebabkan mereka tidak dapat melihat perkara-perkara yang dipaparkan dalam e-Learning". - **Eddy HS, Gadong**.

"Penggunaan e-Learning dapat mengenal pasti kelemahan seseorang pelajar. Kelemahan serta kekuatan seseorang pelajar ketika menggunakan e-Learning ini ialah apabila proses pencarian sumber maklumat serta latihan yang diberikan. Sehubungan itu, melalui latihan yang dijalankan dalam talian mampu membuat penilaian terhadap para pelajar dalam satu-satu subjek mata pelajaran yang diambil.

Penggunaan e-Learning memang tidak dinafikan banyak kebaikannya, antaranya jimat masa, memudahkan komunikasi antara pelajar dengan pensyarah, akan tetapi keburukan boleh menyebabkan pelajar itu malas dan tidak akan hadir ke kelas untuk mendengar kuliah kerana segala nota telah dimuat naik di e-Learning oleh pensyarah. Selain itu juga, pensyarah tidak tahu akan perangai pelajar mereka sendiri ataupun masalah pelajar. Ini kerana proses pembelajaran e-Learning tidak menemukan antara pelajar dan pensyarah secara langsung. Oleh itu, pensyarah tidak tahu akan situasi pelajar tersebut". - **Saidah binti Rashid, BSB**.

Pada pendapat saya, saya bersetuju dengan penggunaan e-Learning dalam pendidikan. Buktinya, semua urusan yang dulunya sukar kini menjadi lebih mudah dengan adanya akses internet. Namun, keburukan e-Learning bukanlah pada nama e-Learning, tetapi pada mereka yang salah menggunakan kenyataan. Pelajar perlu selalu diingatkan bahawa e-Learning ini ada untuk memudahkan mereka, maka selayaknya mereka menggunakan perkhidmatan itu dengan cara yang betul. Ilmu yang kita baca, dengan ilmu yang kita dengar lain pemahamannya. Dikhawatir apa yang kita baca itu salah dan kita sebarkan maklumat yang salah itu pada orang lain. Belajar ini perlu berguru. E-Learning hanya alat sampingan yang memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran". - **Mohd. Shaif Hermansyah Abd. Razak, Tutong**.

Saya memang bersetuju penggunaan e-Learning sebagai medium alternatif dalam pendidikan. Memang banyak kebaikannya, namun ada juga keburukan, bergantung kepada diri individu tersebut sama ada menggunakan kemudahan ini ke arah kebaikan atau sebaliknya. Tetapi pada era globalisasi ini, sememangnya saya rasa perlu meluaskan lagi pelaksanaan e-Learning ini berikutnya banyak faedah yang diperoleh. Penggunaan e-Learning sebagai alat bantuan mengajar yang memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Ia digalakkan bagi pelajar universiti, pengajian jarak jauh dan pembelajaran secara maya". - **Mohd. Zainuddin MS, Jerudong**.

Pada pandangan saya, sebagai penulis Apa Pendapat Biskita di ruangan ini, e-Learning adalah salah satu cabang sistem teknologi maklumat pada masa sekarang. Sememangnya tidak dapat dinafikan, ia banyak membantu para pelajar dan pengajar. Ia juga menjadi medium kerana menyenangkan pensyarah. Pelajar tidak lagi perlu membawa buku yang banyak dan boleh melontarkan semua idea yang ada tanpa perlu berasa malu dan di sini berlakunya pertukaran idea antara pelajar dan guru.

Namun terdapat juga kelemahan kerana menyebabkan pelajar malas dan menyebabkan komunikasi antara pengajar dan pelajar kurang. Penggunaan e-Learning perlu seimbang dengan gaya pembelajaran semasa kerana jika terlalu memberi penekanan kepada e-Learning nescaya pelajar akan terlalu bergantung kepada penggunaan teknologi dan mengabaikan *interpersonal skill* mereka.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kesan Pengambilan Makanan Tambahan Kepada Masyarakat
- ii. Bekerja Dari Rumah (Work From Home)



jalan bermaksud

1. bekas yang digunakan untuk menyimpan atau mengisi sesuatu.

Contoh pemakaian kata : gilin atau dipakai kan **jalan** minyak.

2. ruang atau tempat yang tersedia untuk melakukan sesuatu.

Contoh pemakaian kata : ramai banar jamputan datang, panuh kem, paksa dipakai bilik tamu **jalan** baidang.

kapisan bermaksud

Contoh pemakaian kata : **kapisan** tia pancuri atau kana karajakan ulih urang kampung.

lati bermaksud

1. lumat atau halus biasanya benda yang ditumbuk atau digiling.

Contoh pemakaian kata : barabis juu Si Awang manutuk bawang atu, abis **lati**.

2. licin dan tidak renyuk tentang pakaian yang diseterika.

Contoh pemakaian kata : ia manarikah kainnya sampai **lati**.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG BOKOK



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

IKAN PATIN MASAK TEMPOYAK

BAHAN-BAHANNYA :

- 500g ikan patin (dibersihkan dan dipotong kecil)
- 8 tangkai lada padi (ditumbuk)
- 1 inci kunyit hidup (dihaluskan)
- 1/2 cawan tempoyak
- 2 1/2 gelas air
- 2 hingga 3 keping asam kulit

Sedikit daun kesum
Garam secukupnya

CARA MEMBUATNYA :

Campurkan lada padi dan juga tempoyak, lalu gaulkan dengan sebatik. Kemudian masukkan air dan masak

hingga mendidih. Apabila air sudah mendidih, masukkan ikan patin dan kecilkan api. Biarkan hingga ikan tersebut masak dan airnya berkurangan. Akhir sekali, masukkan daun kesum dan asam kulit serta garam secukupnya.

MUKA 2

Menteri Besar buka sidang guru2 Melayu

BANDAR BRUNEI — Penyata tahunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei bagi tahun 1959/60 telah di-japorkan dalam mewuart agong persekutuan tersebut yang di-adakan di-dewan SOAS College di-sini pada hari Ithnin lepas.

Penyata itu antara lain2 membentangkan kerja2 yang telah di-jalankan dalam tahun lalu. Antara-nya ia-lah:—

- ◆ Perayaan PGGMB 20 tahun telah di-selenggarakan dengan mendapat sambutan yang meriah. Perayaan itu di-adakan sa-lama 4 hari dari 28 hingga 31 December tahun lepas.

- ◆ Undang2 tuboh persekutuan sa-telah di-halus oleh jawatan kuasa tadbir telah di-usahakan untuk di-bukukan dengan lain2 undang2 persekutuan.

- ◆ Guru2 melawat ka-negeri2 lain. Persekutuan telah memohonkan kepada kerajaan supaya guru2 Melayu dapat melawat keluar negeri dengan berombongan. Tempat2 yang akan dilawati itu akan di-tentukan oleh kerajaan.

- ◆ Sewa rumah kerajaan dan bunga wang pinjaman kerana membangunkan rumah sendiri.

Bakal pengetua sekolah gambar?



Awangku Shariffudin bin Pengiran Matai telah berlepas ka-United Kingdom hari ini dengan kapal terbang kerana menuntut ilmu urusan sekolah gambar.

Beliau telah mendapat latehan permulaan disekolah gambar Kuching, Sarawak, di-bawah pimpinan Tuan Tom Harrisons, Pengarah Urusan Sekolah Gambar, Sarawak sa-lama tiga tahun.

Awangku Shariffudin akan mendapat latehan di-universiti2 London, Oxford dan Cambridge dan sa-lepas itu akan melawat ka-Amerika Sharikat untuk merhatikan pertadbiran sekolah2 gambar di-negeri itu.

Awangku Shariffudin di-jangka akan mengetuai sekolah gambar Brunei apabila sekolah itu di-buka kelak.

Perkara ini sedang di-timbangkan oleh kerajaan.

- ◆ Membaiki dan membanyakkan buku2 pelajaran. Perkara ini di-tanggohkan sementara dengan alasan bahawa baharu2 ini kerajaan telah mengadakan pemerkosaan atas pelajaran. Dari keputusan atas peperekosaan itu nanti baharu-lah menetapkan sama ada mengusulkan atau pun tidak.

- ◆ Dasar pelajaran. Kerajaan telah menuaikan permintaan persekutuan dengan mengirimkan sa-naskhah "Chadangan Perubahan Dasar Pelajaran." Tetapi oleh hal ini tidak menepati sa-

bagaiman yang di-kehendaki, persekutuan telah melantek suatu jawatan kuasa khas bagi menchadangkan kapada kerajaan berhubung dengan Dasar Pelajaran Negeri Brunei.

- ◆ Maktab Perguruan Bahasa. Persekutuan mendesak supaya guru2 Melayu di-beri peluang belajar di-Maktab Perguruan Bahasa di-Kuala Lumpur.

- ◆ Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di-Brunei. Bahasa Melayu telah di-gunakan sebagai bahasa rasmi di-negeri ini.

- ◆ Jawatan kuasa ejaan Rumi Malaya-Indonesia. Persekutuan telah mengeshorkan kapada kerajaan supaya berhubung dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan sa-berapa segera dalam perkara ini.

Meshuarat agong itu ia-lah kali yang ke-13 dan telah di-buka oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dalam perjalanan beliau balek ka-Brunei dari persidangan ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh baharu2 ini.

Penuntut2 itu akan di-kehendaki mempelajari ilmu sains, pertanian, teknologi dan lain2.

Apabila penuntut2 itu berlepas kelak bilangan penuntut2 Brunei di-seberang laut akan berjumlah ham-pir 150 orang.

Negeri ini sekarang mempunyai 40 orang penuntut di-beberapa buah maktab di-Malaya, 25 di-Singapura, 4 di-Australia, 6 di-sabuah maktab latehan guru2 di-Borneo Utara, 2 di-Canada, 4 di-Mesir, sa-orang di-India dan ham-pir 50 orang di-beberapa buah sekolah dan kolej di-United Kingdom.

PENUNTUT2 UGAMA JAYAKAN PERADUAN BACHAAN KORAN

BANDAR BRUNEI — Penuntut2 ugama dari Brunei yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di-Malaya dan Singapura telah mengadakan satu majlis peraduan bacaan Koran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam 15 March yang lalu.

Penuntut2 itu berada di-sini raya.

Majlis itu telah di-langsungkan sa-bagai menyambut turunnya Koran dan di-adakan di-bawah naungan Kadhi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Sal-leh.

Penuntut2 dari Kolej Islam, Klang dan Madrasah2 Aljunid dan Alsagoff, Singapura telah bersunggoh2 menjayakan peraduan itu.

Sa-belum peraduan akhir peraduan pemilehan telah di-adakan di-Mesjid tersebut empat hari terlebih dahulu.

Lebih daripada 50 orang laki2 termasok kanak2 telah masuk bertanding dalam peraduan pemilehan. Antara-nya, 4 orang dewasa dan 4 orang kanak2 telah dipilih untuk pertandingan akhir.

Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar dari Kampong Kianggeh, Bandar Brunei telah memenangi piala perak rebutan tahunan yang di-hadiahkan oleh Duli Yang Maha Mulia kapada johan bahagian dewasa.

Piala perak rebutan tahunan, hadiah daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar, untuk johan bahagian kanak2 telah di-menangi oleh Mashhud bin Damit.

Keputusan penoh ada-lah sa-peri berikut:

Bahagian Dewasa: Pengiran

Mohidi bin Pengiran Omar (1), Mohaimin bin Dato Imam (2), Abdul Wahab bin Pehin Tuan Imam (3) dan Abdul Wahab bin Mohamed (4).

Bahagian Kanak2: Mashhud bin Damit (1), Sahari bin Awang Hussein (2), Taib bin Awang Tuah (3) dan Omar bin Alhaji Sarudin (4).

Hadiyah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerna Indera Mohamed.

Pengiran Momin bin Pengiran Othman sa-bagai wakil Persatuan Islam Brunei telah memberi sakinah uchapan atas tujuan meng-adakan peraduan itu.

Majlis itu telah di-tamatkan dengan do'a oleh Pehin Siraja Khatib dan jamuan nasi.

MURID2 DARI BORNEO MENUMPANG BERMALAM DI-ASRAMA SOAS

BANDAR BRUNEI — Tiga belas orang murid dan dua orang guru dari sekolah Inggeris Sung Siew Secondary School, Sandakan telah singgah di-sini dan bermalam di-asrama SOAS College ma-lam tadi.

Mereka itu ada-lah dalam perjalanan balek ka-Sandakan sa-telah melawat ka-padang minyak Seria sa-lama 5 hari.

Enam orang daripada mereka dan sa-orang guru yang berlepas dari Sandakan sa-hari terlebih dahulu dalam perjalanan ka-Seria telah bermalam di-asrama tersebut pada 31 March.

PELITA BRUNEI, Rabu 6 April, 1960.

20 penuntut ka-Malaya dalam tahun hadapan

BANDAR BRUNEI — Dua puloh orang penuntut dari negeri ini akan di-hantar ka-University of Malaya di-Singapura dan Kuala Lumpur dalam tahun hadapan kerana mempelajari berbagai ilmu.

Ini telah di-umumkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dalam perjalanan beliau balek ka-Brunei dari persidangan ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh baharu2 ini.

Penuntut2 itu akan di-kehendaki mempelajari ilmu sains, pertanian, teknologi dan lain2.

Apabila penuntut2 itu berlepas kelak bilangan penuntut2 Brunei di-seberang laut akan berjumlah ham-pir 150 orang.

Negeri ini sekarang mempunyai 40 orang penuntut di-beberapa buah maktab di-Malaya, 25 di-Singapura, 4 di-Australia, 6 di-sabuah maktab latehan guru2 di-Borneo Utara, 2 di-Canada, 4 di-Mesir, sa-orang di-India dan ham-pir 50 orang di-beberapa buah sekolah dan kolej di-United Kingdom.

Permainan pancharagam

KUALA BELAIT — Pancharagam Polis Brunei akan bermain di-padang di-sini pada 10 April mulai dari pukul 5.30 petang.

Pancharagam itu di-pimpin oleh Tuan A.W. Croft, bekas pengarah pancharagam Polis Persekutuan Tanah Melayu.

Permainan itu di-adakan sebagai menyambut gerakan "jadi-lah pemandu kereta yang baik" yang dianjorkan oleh Lembaga Keselamatan Jaya Raya, Kuala Belait.

Sa-belum berlepas dengan ka-pal terbang ka-Borneo Utara murid2 itu telah berkunjung ka-Istana Darul Hana, mesjid Omar Ali Saifuddin, pejabat2 kerajaan dan lain2 tempat dan bangunan yang menarik di-bandar ini.

Murid2 itu melawat ka-Seria atas jemputan sharikat minyak Brunei Shell.

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

Malam Nisfu Syaaban penuh berkat

BULAN Syaaban merupakan bulan yang mempunyai keistimewaan kerana dalam bulan ini, terdapat satu malam yang dikenali sebagai Nisfu Syaaban. Malam Nisfu Syaaban merupakan salah satu malam yang penuh berkat, rahmat dan doa dimakbulkan.

Syaaban adalah antara bulan yang disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Kerana di dalam bulan inilah, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memperbanyakkan puasa sunat berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Termizi, yang bermaksud :

"*Daripada Aisyah Radiallahuanha, dia telah berkata : Aku tidak pernah melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa sunat dalam sebulan lebih banyak daripada puasanya di bulan Syaaban".*

Sebagai umat Islam, kita hendaklah

mencontohi apa yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan puasa sunat, membaca Al-Quran, berdoa, berzikir, bertaubat, beristighfar, bersedekah dan seumpamanya.

Kita juga berpeluang memperbanyakkan amal soleh dan seterusnya bertaubat dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping mengerjakan amal ibadat dan kebajikan, ia juga merupakan suatu latihan rohani bagi mempersiapkan diri menyambut dan mengagungkan bulan Ramadan.

Melihat betapa besarnya kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada bulan Syaaban ini, maka sewajarnya kita merebut peluang ini dengan sebaik-baiknya. Janganlah kita lalai dan leka tidak merebut peluang ini kerana sibuk dengan urusan dunia seperti kerja pejabat, sekolah, keluarga dan sebagainya.

Kelebihan malam Nisfu Syaaban juga telah disebutkan di dalam hadis saih

daripada Mu'az bin Jabal Radiallahuanhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang maksudnya :

"*Allah menjenguk datang kepada semua makhluk-Nya pada malam Nisfu Syaaban, maka diampunkan dosa sekalian makhluk-Nya kecuali orang yang menyekutukan Allah atau orang yang bermusuhan".*

Imam asy-Syafii dalam kitabnya al-Umm juga telah berkata : "*Telah sampai pada kami bahawa dikatakan : Sesungguhnya doa dimakbulkan pada lima malam iaitu : pada malam Jumaat, malam Hari Raya Aidiladha, malam Hari Raya Aidilfitri, malam pertama pada bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban".*

Oleh itu, beruntunglah orang yang mengisi hidupnya untuk beribadah terutama pada bulan-bulan yang mulia. Segeralah kita mengisi setiap saat dan masa kita untuk mendapatkan rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Walau bagaimanapun, ingatlah bahawa

amalan soleh itu tidaklah hanya tertumpu dalam bulan-bulan atau hari yang mempunyai banyak kelebihan. Malah setiap hari, bulan atau tahun, semuanya adalah waktu untuk kita beribadah dan beramal soleh.

Pada tahun ini, Nisfu Syaaban jatuh pada malam nanti, di mana ia terkandung dalam tempoh penutupan sementara masjid. Sehubungan dengan perkara ini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan pada Isnin, 6 April yang lalu memaklumkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) akan bekerjasama menyiaran secara langsung dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bacaan Surah Yaa Siin berserta doa. Orang ramai di rumah masing-masing bolehlah mengikuti sama bacaan Surah Yaa Siin dan doa tersebut.



Pegawai PBB kutuk serangan di hospital tempatkan pesakit COVID-19 di Libya

TRIPOLI, 7 April. - Pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) mengutuk serangan

ke atas sebuah hospital yang menempatkan pesakit COVID-19 di Tripoli, ibu negara Libya.

Pegawai itu pada Isnin menyatakan, ia jelas mencabuli undang-undang kemanusiaan

antarabangsa, lapor agensi berita Xinhua pada Selasa.

"Saya amat terkejut apabila mendapat tahu Hospital Besar Al Khadra di Tripoli dibedil hari ini (Isnin), menyebabkan sekurang-kurangnya seorang petugas kesihatan cedera dan merosakkan kemudahan perubatan," kata Penyelaras Kemanusiaan dan Kependudukan PBB di Libya, Yacoub El Hillo menerusi satu kenyataan.

"Rayuan berulang kali oleh PBB dan masyarakat antarabangsa supaya dihentikan keganasan hanya menyaksikan peningkatan pertempuran dan pencabulan.

"Ini tidak boleh diterima langsung terutama ketika petugas kesihatan dan perubatan amat diperlukan dalam usaha memerangi wabak global ini," menurut kenyataan itu.

Sehingga Mac, 27 kemudahan

kesihatan rosak akibat pertempuran termasuk 14 kemudahan yang ditutup dan 23 lagi berisiko ditutup akibat konflik itu.

Pegawai PBB menggesa ditamatkan segera pertelingkahan ketenteraan bagi membolehkan pihak berkuasa dan agensi bantuan membendung wabak COVID-19 serta terus menyediakan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang memerlukan.

"Jika Libya mahu meraih peluang untuk membendung pandemik COVID-19, konflik ini perlu dihentikan serta merta".

Misi bantuan PBB di Libya (UNSMIL) melaporkan sekurang-kurangnya 356 orang awam terbunuh dan 329 lagi cedera sejak konflik antara tentera yang berpangkalan di Timur dengan pasukan yang disokong PBB meletus pada April 2019. - ©BERNAMA

Solidariti buat petugas kesihatan, 48 tukang jahit bergabung hasilkan PPE

LANGKAWI, 7 April. - Kebanyakan mereka tidak pernah bersua muka, namun atas semangat solidariti, 48 tukang jahit yang sebahagian besarnya di sekitar pulau ini bergabung menggunakan kemahiran masing-masing menghasilkan peralatan perlindungan diri (PPE) buat kegunaan petugas kesihatan di Langkawi.

Sejak akhir Mac lepas, kumpulan ini yang hanya berhubung menerusi laman sosial Facebook, menggunakan mesin jahit masing-masing bagi menghasilkan PPE untuk kegunaan petugas barisan depan di Hospital Sultanah Maliza dan Klinik Kesihatan Kuah yang sedang bertungkus-lumus membendung penularan pandemik COVID-19.

Pencetus kepada usaha murni itu, Norhayati Hassan, 39, yang juga berasal dari Langkawi berkata dia pada mulanya menghebahkan inisiatif itu di Facebook bertujuan mencari tukang jahit untuk menjahit PPE dan tidak menyangka ia mendapat sambutan.

"Selepas hebatan di Facebook, saya bentuk kumpulan WhatsApp penjahit Langkawi pada 29 Mac lepas selepas tergerak hati untuk turut sama terlibat apabila melihat tukang jahit boleh turut sama membantu petugas kesihatan dengan menghasilkan PPE.

"Alhamdulillah sambutan sangat menggalakkan. Rata-rata kami semua dalam kumpulan itu tidak mengenali antara satu sama lain," katanya yang kini menetap di Kuantan, Pahang.



LANGKAWI, 7 April. - Tukang jahit, Long Lee Ket (kiri) memeriksa contoh jubah luar peralatan perlindungan diri (PPE) buat kegunaan petugas kesihatan yang dihasilkan oleh 48 tukang jahit di sekitar pulau ini. Empat puluh lapan tukang jahit terlibat mungkin tidak pernah bersua muka sesama sendiri, namun atas semangat solidariti mereka bergabung menggunakan kemahiran masing-masing menghasilkan PPE buat kegunaan petugas kesihatan di Hospital Sultanah Maliza dan Klinik Kesihatan Kuah, sejak akhir Mac lalu. - ©BERNAMA

Seorang wanita warga emas, yang tidak mahu ketinggalan untuk melakukan kerja amal, Long Lee Ket, 68, menawarkan kedai jahitan miliknya di Taman Intan, di sini, sebagai pusat bagi kerja memotong bahan bukan tenunan, bahan utama untuk menghasilkan penutup kepala, jubah luar dan pelindung kasut.

"Di kedai jahitan saya memang sudah ada mesin, jadi lokasi ini dijadikan pusat utama untuk memotong bahan bukan tenunan sebelum diagihkan kepada tukang jahit di Kuah, Ayer Hangat, Padang Matsirat dan Kedawang. Bahan

dibekalkan oleh pihak Hospital Sultanah Maliza dan Klinik Kesihatan Kuah. Daripada bahan yang diperoleh itu kami sudah potong dan bahagikan kepada 500 helai untuk dijadikan penutup kepala, jubah luar dan pelindung kasut."

Farah Sahak, 31, pula berkata dia tergerak hati untuk turut sama terlibat menawarkan kemahiran menjahit dan memberitahu kumpulan itu menjadi rapat atas satu tujuan iaitu secara sukarela menghasilkan PPE buat petugas kesihatan di Langkawi. - ©BERNAMA

12,000 tentera bantu PKP fasa kedua

KUANTAN, Selasa, 7 April. - Seramai 12,000 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertugas membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua, mulai 1 April lepas.

Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi berkata pada fasa pertama PKP pada 18 hingga 31 Mac lepas, pihaknya mengerahkan antara 5,000 dengan 6,000 anggota namun pelaksanaan PKP fasa kedua yang lebih ketat menyebabkan jumlah anggota terlibat ditambah.

"Selain membantu operasi PKP melalui sekat jalan raya (SJR), seramai 5,000 lagi anggota bertugas menjaga sempadan negara buat masa ini. Penglibatan ATM dilihat banyak membantu pelaksanaan PKP sehingga mencapai kadar pematuhan 99 peratus," katanya.

Ahmad Hasbullah berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau pelaksanaan SJR di Tanjung Lumpur di sini hari ini, yang turut dihadiri Ketua Polis Pahang Datuk Abd Jalil Hassan.

Selain SJR dan sempadan negara, Ahmad Hasbullah berkata ATM juga membantu melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Simpang Renggam, Johor; Sungai Lui, Selangor dan Menara City One di Kuala Lumpur dengan 20 anggota ditempatkan pada satu-satu masa di samping membuat baricade.

"Kita juga giat membantu dan memantau

penghantaran bekalan keperluan termasuk makanan di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak mulai Ahad lalu dan dijadualkan berjalan sehingga Jumaat ini," katanya.

Ahmad Hasbullah berkata sehingga kini, tiada anggota ATM yang dilaporkan positif COVID-19 dan berharap ia dapat dikekalkan supaya tidak wujud kluster jangkitan daripada petugas barisan hadapan ketika PKP.

Pada perkembangan berasingan, Abd Jalil berkata pihaknya mengenal pasti 127 pelancong asing di seluruh Pahang yang mengambil keputusan untuk terus tinggal di negara ini ekoran penularan COVID-19 di negara mereka.

Katanya, mereka terdiri daripada 85 orang yang dilaporkan berada di Pulau Tioman dan 42 orang di Cameron Highlands, berusia antara 20 hingga 80 tahun dan berasal antaranya dari Amerika Syarikat, China, Sepanyol, Itali, Perancis dan Britain.

"Mereka sudah berada di tempat peranginan itu sebelum PKP bermula pada 18 Mac lepas dan merasakan lebih selamat untuk terus tinggal di sini berbanding pulang ke negara asal."

"Ada di antara mereka yang visanya sudah tamat tempoh atau hampir tamat dan kita difahamkan Jabatan Imigresen Malaysia telah dimaklumkan mengenai situasi ini dan bersedia untuk membantu mereka," katanya. - ©BERNAMA

COVID-19 : DBKL panggil tiga suruhanjaya tinggi bantu warga asing di Masjid India

KUALA LUMPUR, Selasa, 7 April. - Pusat Pengurusan Krisis (CMC) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan berbincang dengan Suruhanjaya Tinggi India, Pakistan dan Bangladesh di sini dalam memberi kefaaman mengenai wabak COVID-19 kepada rakyat mereka yang tinggal di kawasan Masjid India, Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa berkata ia susulan keputusan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lagi bangunan, di kawasan Jalan Masjid India di sini berkuat kuasa hari ini.

"Ada tiga komuniti warga asing di situ iaitu dari India, Bangladesh dan Pakistan... kami akan berhubung dengan ketiga-tiga suruhanjaya itu dalam waktu terdekat dan memberi taklimat memandangkan ia melibatkan rakyat daripada negara berkenaan."

"Insya-Allah, petang ini kami akan bagi penerangan kepada penduduk di situ, kami minta mereka bawa orang yang boleh bercakap dalam bahasa Urdu, Tamil dan Bengali supaya mesej itu sampai kepada penduduk. Mereka perlu memberikan kerjasama, ini bukan bentuk hukuman tetapi kaedah untuk membantu mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima sumbangan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri untuk diagihkan kepada penghuni Plaza City One yang terjejas akibat wabak COVID-19.

Annuar berkata penduduk di kawasan itu tidak perlu takut atau bimbang dengan sebarang tindakan kerana pihak berkuasa hanya mahu memastikan individu dijangkiti COVID-19 di situ tidak melarikan diri dan menyebabkan penularan di kawasan lain.

Beliau berkata setakat ini, tiada kawasan baharu di Wilayah Persekutuan dikesan mempunyai tanda-tanda penularan COVID-19 kecuali di Sri Petaling, Masjid India dan Pasar Borong Selayang.

Selaras Plaza City One di Jalan Munshi Abdullah, hari ini Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata arahan PKPD dikuatkuasakan di bangunan Selangor Mansion dan Malayan Mansion di Jalan Masjid India, berikutnya terdapat 15 kes positif COVID-19 di dua bangunan itu.

Terdahulu, lebih 400 pek bantuan keperluan asas melibatkan nilai keseluruhan berjumlah RM42,500 diserahkan kepada Annuar untuk diagihkan kepada penghuni menara Plaza City One yang dikenakan arahan PKPD sejak 31 Mac hingga 13 April ini.

Sumbangan itu inisitif bersama oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Lembaga Tabung Haji dengan kerjasama logistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). - ©BERNAMA

Kementerian Kesihatan terima sumbangan face mask



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kanan) menyampaikan sumbangan selaku wakil bagi Syarikat Amann Shipping kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan (kiri).

YASKA terima sumbangan alat tulis, permainan



SUMBANGAN daripada Shinwoo Brunei Corporation (SBC) Sendirian Berhad disampaikan oleh Pengaruhnya, Sung Weonwoo kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas Hospital RIPAS, Awang Haji Khalid As'ari bin Haji Azahari.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Sebanyak 220 peralatan tulis dan 20 alat permainan disumbangkan kepada Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA) di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS).

Sumbangan daripada Shinwoo Brunei Corporation (SBC) Sendirian Berhad itu disampaikan oleh Pengaruhnya, Sung Weonwoo kepada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas Hospital RIPAS, Awang Haji Khalid As'ari bin Haji Azahari.

Sumbangan itu bertujuan untuk menghiburkan kanak-kanak yang berada di wad, di samping menyokong pesakit kanser dan ahli keluarga mereka dalam sama-sama membantu pasukan perubatan di Wad Pediatrik Onkologi semasa musim COVID-19.

Dalam pada itu, SBC Sdn. Bhd. buat pertama kalinya juga membuka kedai bebas cukai, terletak di Dewan Berlepas dan Transit Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan outlet kedua di The Empire Brunei.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Amann Shipping Group Sdn. Bhd. (Amann Shipping), sebuah syarikat usaha sama di antara Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Dana Modal Pembangunan Strategik dan Go-Wide Shipping Investment Limited Hong Kong memberikan sumbangan berupa 100,000 keping face mask sebagai salah satu inisiatif di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat, yang akan digunakan oleh Kementerian Kesihatan dalam usaha-usaha menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga menerima sumbangan sebanyak 100,000 keping face mask daripada Guangxi Ruian Logistics (Group) Co. Ltd. (Ruian), iaitu sebuah syarikat logistik dan perdagangan rempah ratus dari Republik

Rakyat China.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut berlangsung di Kementerian Kesihatan dan sumbangan tersebut disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku wakil bagi Syarikat Amann Shipping dan Syarikat Ruian.

Menerima bagi pihak Kementerian Kesihatan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Kedua-dua Menteri merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Syarikat Amann Shipping dan Syarikat Ruian di atas sumbangan-sumbangan mereka.

Keprihatinan pelbagai pihak amat membanggakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 April. - Kementerian Kesihatan menerima berbagai sumbangan ihsan daripada pelbagai pihak penderma sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) mereka dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Jerudong International School (JIS) hari ini menyumbangkan sebanyak 100 unit Reusable Face Shield, disampaikan oleh Pengetua JIS, Nicholas Sheehan kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada majlis yang berlangsung di Bilik Tamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan.

Seterusnya beberapa majlis yang serupa juga turut diadakan di dua tempat berasingan, iaitu di Bilik VIP, Tingkat Bawah, kementerian berkenaan, di mana Mashhor Group of Companies menyumbangkan Tasconi Pizza (Medium Size) sebanyak 170 kotak berserta berbagai barang makanan dan minuman, disampaikan oleh Pemangku Pengarah Mashhor Group of Companies, Malai Shamil Faris bin (Dr.) Malai Haji Abdul Hamid.

Sementara itu, Rekayasa Innovasi Sdn. Bhd. pula menyumbangkan cek berjumlah BND15,000, disampaikan oleh Pengarah Urusan, Benny Boy bin Abdul Rahman.

Sumbangan-sumbangan ini diterima oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman, wakil pihak Kementerian Kesihatan yang turut melahirkan rasa penghargaan kepada pihak-pihak penderma berkenaan.

Pada majlis berasingan yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan pula, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap juga turut menerima beberapa lagi sumbangan ihsan daripada pelbagai pihak penderma.

Antaranya, Muara Maritime Services menyumbangkan cek berjumlah BND50,000, disempurnakan oleh Commercial Managing Director, Awang Muhammad Noh bin Haji Madali, seterusnya Millimewah Group of Companies juga turut menyumbangkan cek berjumlah BND20,000, diserahkan oleh Pengaruhnya, Dayang Rosmahwati binti Haji Buntar bersama Pengarah Urusannya, Mr. Cheong Hoy Loon.

Seterusnya, Micronet International College pula menyumbangkan cek berjumlah BND30,000,

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan menerima sumbangan dari Micronet International College yang disampaikan oleh Pengarah Urusan, Sylvester Yong.



disampaikan oleh Pengarah Urusan, Sylvester Yong.

Qasya Diagnostic pula menyumbangkan cek berjumlah BND20,000 dan Sponsorship of 100 COVID-19 test kits yang disempurnakan penyerahannya oleh Chairman, SR. Haji Mohammad Hanafi POKDGSDRDLU Haji Abdul Rahman; dan Hanafi Konsultan juga turut menyumbangkan cek berjumlah BND5,000, yang juga diserahkan oleh Principal, SR. Haji Mohammad Hanafi POKDGSDRDLU Haji Abdul Rahman.

Sementara, TGT Sdn. Bhd. pula turut menyumbangkan cek berjumlah BND20,000, disampaikan oleh wakil-wakil daripada TGT Sdn. Bhd., seterusnya, H Sky Trading Company (Mr. Chandru S. Punjabi and Mr. Gobind J. Punjabi, Managing Partners) yang menyumbangkan cek berjumlah BND5,000, disampaikan sendiri oleh kedua-dua Managing Partners, Mr. Chandru S. Punjabi and Mr. Gobind J. Punjabi.

Manakala, pada sebelah petangnya pula, beberapa sumbangan lagi turut diterima oleh Kementerian Kesihatan yang disumbangkan oleh Hindi Welfare Board dengan menyerahterahkan sumbangan cek berjumlah BND5,000, disempurnakan oleh Presiden, Mr. M.D. Kamath; dan Sekretari, Mr. N.Rajendran.

Koperasi Berkat Kerjakaras Semua Sayang (BKSS) juga tidak ketinggalan menghulurkan sumbangan berupa cek berjumlah BND5,000, diserahkan oleh Pengurus BKSS, Awang Haji Md. Salleh bin Haji Mohiddin bersama Setiausaha Agung BKSS, Awang Haji Ismail bin Kassim dan Bendahari BKSS, Awang Haji Mun Taha bin BKDP Haji Md. Said.

Hadir menerima sumbangan-sumbangan tersebut bagi pihak Kementerian Kesihatan, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Teknologi Penjagaan Kesihatan, Awang Rudy bin Haji Harun pada majlis yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PATUHI LANGKAH PENCEGAHAN, KURANGKAN RISIKO PENULARAN WABAK COVID-19

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دار السلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam